Kementerian Pembangunan
Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Aras 1-6, Kompleks Pejabat Kerajaan Bukit Perdana
Jalan Dato' Onn 50515 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03.2693.0095 • Faks: 03.2698.5982

**www.kpwkm.gov.my**

Kementerian Pembangunan
Wanita, Keluarga dan Masyarakat

# Dasar Wanita Negara Dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita



# DASAR
# WANITA NEGARA

# DASAR WANITA NEGARA

## MUKADIMAH

1. Dasar Wanita Negara ini adalah kesinambungan kepada Dasar Wanita Negara yang digubal pada tahun 1989 dengan mengambil kira isu, peluang, cabaran dan persekitaran masa kini dan yang akan datang. Berteraskan Perlembagaan Persekutuan, prinsip Rukun Negara dan Dasar Sosial Negara, dasar ini mendukung cita-cita untuk mencapai kesaksamaan gender dan pembangunan negara yang seimbang dan lestari.

2. Dasar Wanita Negara ini mendukung prinsip tiada diskriminasi berasaskan gender seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC), Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing (*Beijing Platform for Action*), Matlamat Pembangunan Milenium (MDGs) serta Deklarasi Putrajaya dan Program Tindakan Mengenai Pembangunan Wanita Dalam Negara Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (*NAM Putrajaya Declaration*).

3. Dasar ini berhasrat untuk merealisasikan aspirasi kerajaan dalam membangunkan modal insan yang berdaya saing dan

mempunyai ketahanan diri dengan melahirkan wanita yang berilmu dan berwawasan, mempunyai daya kreativiti dan inovasi serta menghayati nilai-nilai murni.

4. Dasar ini bermaksud untuk memberi panduan dan hala tuju dalam usaha perancangan dan pelaksanaan pembangunan wanita atas kesedaran bahawa kaum wanita merupakan separuh daripada penduduk negara yang gigih menyumbang kepada pembangunan negara.

5. Dasar ini dilengkapi dengan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW) bagi memperincikan tindakan yang perlu diambil oleh agensi Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta dan masyarakat sivil untuk mencapai objektif dan matlamat Dasar Wanita Negara. PTPW mengandungi strategi yang meliputi 13 sektor iaitu ekonomi; kemiskinan; undang-undang; keganasan terhadap wanita; kesihatan; pendidikan dan latihan; sains dan teknologi; pembuat keputusan; mekanisme, jentera dan institusi pembangunan wanita; media; alam sekitar; sukan; dan kebudayaan, kesenian dan warisan.

## PERNYATAAN DASAR

Dasar Wanita Negara berhasrat menjamin pembangunan dan pengupayaan wanita dengan mengarusperdanakan kepentingan

wanita untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya dalam perancangan dan pembangunan negara untuk mencapai kesaksamaan gender.

## MATLAMAT

Matlamat Dasar Wanita Negara adalah untuk:

i. membangun potensi dan mendayaupayakan wanita dari pelbagai lapisan masyarakat dan dalam semua sektor sebagai agen perubahan kepada masyarakat serta penyumbang kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara;

ii. menyediakan persekitaran yang kondusif, termasuk penggubalan dasar dan perundangan mesra wanita, bagi meningkatkan martabat dan kesejahteraan hidup wanita dalam semua aspek termasuk fizikal, ekonomi, sosial, politik, kesihatan, psikologi dan kerohanian;

iii. membudayakan kesaksamaan gender di kalangan semua lapisan masyarakat dalam semua sektor;

iv. memastikan pandangan dan suara wanita diterima pakai dalam proses membuat keputusan di semua peringkat;

v. mencapai perkongsian saksama antara wanita dengan lelaki dalam memperoleh dan mengawal sumber dan peluang penyertaan serta menikmati manfaat pembangunan; dan

vi. meningkat dan mengukuhkan perkongsian adil dan saksama antara wanita dengan lelaki dalam semua aspek kehidupan bagi memantapkan institusi keluarga serta membangunkan komuniti dan masyarakat.

## STRATEGI PELAKSANAAN

Strategi yang telah digariskan bagi melaksanakan dasar ini ialah:

1. Mengarusperdanakan perspektif gender dalam penggubalan dasar dan perundangan, perancangan, pelaksanaan dan penilaian program, projek dan penyediaan bajet untuk pembangunan.

2. Meningkatkan komitmen di kalangan badan eksekutif, badan perundangan dan badan kehakiman, termasuk penggubal dasar, pembuat keputusan dan pihak penguat kuasa di sektor awam dan swasta serta masyarakat sivil, bagi menghormati dan memelihara martabat wanita.

3. Mengkaji semula undang-undang dan peraturan sedia ada dan menggubal perundangan dan peraturan baru bagi menjamin tiada diskriminasi berasaskan gender, perlindungan, keselamatan, hak-hak dan maruah wanita terpelihara dan mengambil langkah-langkah supaya penguatkuasaan undang-undang berkenaan berkesan.

4. Menjalankan penyelidikan mengenai aspek gender bagi menjana pendekatan inovatif dan kreatif dalam penggubalan dasar dan perancangan serta pelaksanaan program.

5. Melaksanakan sepenuhnya pengumpulan, penganalisaan dan pengaplikasian data dan maklumat oleh agensi-agensi Kerajaan, pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan mengikut pecahan jantina untuk tujuan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian program.

6. Meningkatkan kapasiti dan keupayaan wanita dalam semua bidang bagi memastikan penglibatan mereka yang berkesan dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara, termasuk penglibatan dalam politik dan proses membuat keputusan.

7. Memperkukuh dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi wanita melalui kerjasama dan sinergi antara agensi Kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan di peringkat nasional dan antarabangsa, dan juga menambah serta mempelbagaikan

peluang serta menggerakkan sumber, maklumat dan kepakaran di kalangan wanita.

## PENDEKATAN PELAKSANAAN

Bagi memastikan matlamat Dasar Wanita Negara tercapai dan PTPW dapat dilaksanakan dengan berkesan, beberapa pendekatan digariskan:

i. semua agensi Kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat sivil perlu mengambil tindakan sebagaimana ditetapkan di bawah PTPW;

ii. sumber manusia yang berpengetahuan, terlatih dan peka gender dengan kepakaran khusus hendaklah disediakan dan sumber kewangan hendaklah mencukupi;

iii. langkah-langkah khas sementara seperti "*affirmative action*", "*preferential treatment*" atau sistem kuota wajar diambil untuk memajukan wanita dalam semua sektor;

iv. perancangan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian aktiviti-aktiviti di bawah PTPW dipertanggungjawabkan kepada agensi pelaksana yang berkenaan mengikut bidang kuasa masing-masing;

v. pewujudan pangkalan data pusat untuk mengintegrasikan data berdasarkan gender dari pelbagai sumber termasuk agensi Kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan;

vi. pewujudan multisektor sinergi di kalangan semua agensi Kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat sivil; dan

vii. KPWKM bertindak sebagai agensi teraju bagi menyelaraskan aktiviti advokasi, pemantauan dan penilaian secara keseluruhan termasuk kajian semula kesesuaian dasar dan strategi pelaksanaan PTPW setiap tiga tahun sekali atau mengikut keperluan.

Kejayaan dasar ini bergantung kepada komitmen dan sokongan semua pihak terutama kepimpinan tertinggi serta kerjasama agensi Kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan masyarakat sivil. Kesediaan semua pihak untuk menerima anjakan paradigma merupakan prasyarat kepada kejayaan pelaksanaan Dasar Wanita Negara dan PTPW.

## PENUTUP

Dasar Wanita Negara merupakan dasar pembangunan sosio-ekonomi yang merangkumi falsafah, inspirasi dan aspirasi wanita daripada pelbagai peringkat umur, lapisan masyarakat dan semua

sektor. Pelaksanaan dasar ini menjadi agenda utama Kerajaan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang maju, dinamik dan berdaya saing serta penyayang, adil dan saksama.

# PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA (PTPW)

## KANDUNGAN


| | PERKARA | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| | PENGENALAN | 1-6 |
| I. | WANITA DAN EKONOMI | 7-31 |
| II. | KEMISKINAN DI KALANGAN WANITA | 32-45 |
| III. | WANITA DAN UNDANG-UNDANG | 46-67 |
| IV. | KEGANASAN TERHADAP WANITA | 68-85 |
| V. | WANITA DAN KESIHATAN | 86-99 |
| VI. | WANITA DALAM BIDANG PENDIDIKAN DAN LATIHAN | 100-107 |
| VII. | WANITA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI | 108-120 |
| VIII. | WANITA DAN MEDIA | 121-136 |
| IX. | WANITA DAN ALAM SEKITAR | 137-151 |
| X. | WANITA DAN SUKAN | 152-169 |
| XI. | WANITA DAN AGAMA, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN | 170-183 |
| XII. | WANITA DI PERINGKAT PEMBUAT KEPUTUSAN DAN POLITIK | 184-194 |
| XIII. | MEKANISME, JENTERA DAN INSTITUSI PEMBANGUNAN WANITA | 195-217 |
| | SENARAI NAMA SINGKATAN | 218-222 |

## PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA

### PENGENALAN

Usaha Kerajaan dalam mencapai kesaksamaan gender telah membolehkan wanita Malaysia mengecapi kemajuan dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, kesihatan dan pekerjaan. Kesejahteraan hidup wanita juga menjadi salah satu agenda utama dengan memastikan hak-hak wanita dilindungi dan kebajikan mereka terpelihara. Wanita yang merupakan sebahagian daripada aset penting negara perlu dibangunkan secara optimum bagi membolehkan mereka menyumbang secara aktif dan berkesan kepada pembangunan negara.

Selaras dengan teras Misi Nasional (2006-2020) untuk membangunkan modal insan yang menyeluruh bagi lelaki dan wanita, agenda gender harus menjadi keutamaan negara dengan mengambil kira perspektif gender dalam perancangan, penggubalan, dan pelaksanaan dasar dan program-program pembangunan. Dengan ini, kaum wanita tidak dibiarkan terpinggir dalam arus pembangunan negara.

Walaupun wanita Malaysia telah mencapai banyak kejayaan dalam pelbagai bidang namun dengan adanya perubahan-perubahan di peringkat global, wanita perlu dipertingkatkan pengupayaannya dalam sektor ekonomi, sosial dan politik bagi memastikan wanita menikmati kehidupan yang berkualiti dan sejahtera terutamanya dari

segi kesaksamaan gender. Penyediaan persekitaran yang kondusif bagi memastikan penyertaan wanita yang lebih berkesan dalam pembangunan negara perlu dititikberatkan bagi mencapai kesaksamaan gender. Wanita juga hendaklah dilengkapkan dengan kemahiran dan pengetahuan yang sesuai bagi menjadikan mereka mampu untuk lebih berdaya saing dan serba boleh untuk menghadapi cabaran globalisasi.

## JURANG GENDER

Bagi mencapai kesaksamaan gender melalui pengintegrasian perspektif gender dalam semua sektor, satu petunjuk kedudukan jurang gender iaitu *Malaysia's Gender Gap Index* (MGGI) telah diwujudkan pada tahun 2006 sebagai panduan umum, khususnya kepada para penggubal dasar dan perancang program. Pendekatan dan metodologi MGGI lebih tertumpu kepada usaha untuk mendapatkan petunjuk perbezaan pencapaian antara lelaki dan wanita di Malaysia melalui pendekatan konsep pengukuran jurang gender secara relatif.

MGGI meliputi empat bidang iaitu kesihatan, pendidikan, aktiviti ekonomi dan pengupayaan wanita di mana setiap satunya dinamakan sebagai sub-indeks. Seperti kaedah pengukuran yang lain, MGGI ini tidak dapat menunjukkan jurang perbezaan gender secara menyeluruh kerana kekangan maklumat yang diperolehi. Walau bagaimanapun, perbandingan MGGI dengan negara yang mencapai jurang gender yang terendah seperti Norway menunjukkan

bahawa bagi sektor kesihatan dan pendidikan, Malaysia telah berjaya merapatkan jurang gender iaitu 0.1057 untuk kesihatan dan 0.0441 untuk pendidikan pada tahun 2006. Namun begitu, Malaysia mencatatkan jurang gender yang lebih besar dalam aktiviti ekonomi dan pengupayaan wanita iaitu 0.2455 dan 0.5754 masing-masing.

## CABARAN

Walaupun wanita di Malaysia telah mencapai kejayaan yang membanggakan, namun masih terdapat pelbagai cabaran yang boleh menjejaskan peranan dan status wanita. Antara cabaran yang dikenal pasti adalah seperti berikut:

- Kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh masih rendah;

- Kemiskinan terutama di kalangan isi rumah yang diketuai oleh wanita termasuk ibu tunggal khususnya di kawasan luar bandar;

- Masih terdapat undang-undang dan peraturan yang dianggap mendiskriminasikan wanita;

- Peningkatan kes keganasan terhadap wanita termasuk keganasan rumah tangga, rogol, sumbang mahram, pencabulan dan gangguan seksual di tempat kerja;

- Risiko yang lebih tinggi dihadapi oleh wanita terhadap isu-isu kesihatan masa kini seperti kanser dan *human immunodeficiency virus/acquired immunodeficiency syndrome* (HIV/AIDS);

- Kurang penyertaan wanita di peringkat pendidikan kedoktoran falsafah dan dalam bidang teknikal dan vokasional;

- Terdapat jurang digital berasaskan gender, terutama bagi wanita di kawasan luar bandar;

- Penonjolan imej wanita yang negatif dalam media;

- Kesan perubahan iklim dunia ke atas wanita;

- Perwakilan wanita dalam bidang sukan terutamanya dari aspek kepimpinan, pengurusan, kejurulatihan dan kepegawaian di peringkat atasan masih di tahap yang rendah;

- Tahap wanita di peringkat pembuat keputusan dan politik masih rendah; dan

- Kekurangan keberkesanan usaha mengarusperdanakan gender yang melibatkan kerjasama antara agensi Kerajaan dan sektor swasta.

Dalam menangani cabaran-cabaran masa kini yang dihadapi oleh wanita, Pelan Tindakan Pembangunan Wanita dikaji semula bagi menterjemahkan segala dasar dan pernyataan iltizam Kerajaan ke arah mencapai kesaksamaan gender. Pelan Tindakan ini juga mengambil kira matlamat dasar-dasar pembangunan negara termasuk Dasar Sosial Negara dan Dasar Wanita Negara, teras Misi Nasional, agenda pembangunan negara di bawah Rancangan Malaysia, komitmen-komitmen Kerajaan di forum-forum antarabangsa seperti Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW), Deklarasi dan Pelan Tindakan Beijing, Matlamat Pembangunan Milenium (MDGs), dan Deklarasi Putrajaya dan Program Tindakan Mengenai Pembangunan Wanita Dalam Negara Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (*NAM Putrajaya Declaration*).

Pelan Tindakan Pembangunan Wanita yang dikaji semula ini memperincikan tindakan yang perlu diambil oleh agensi Kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan, sektor swasta dan masyarakat sivil untuk mencapai objektif dan matlamat Dasar Wanita Negara. Pelan Tindakan ini digubal melalui beberapa proses konsultansi yang melibatkan pelbagai pihak iaitu agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan dengan pembangunan wanita, Majlis Penasihat Wanita Negara (MPWN), pertubuhan-pertubuhan wanita terutama Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita (NCWO), badan-badan bukan kerajaan, parti politik, persatuan/individu yang mewakili kumpulan wanita muda dan pakar rujuk seperti aktivis

masyarakat/ahli akademik serta majikan sektor swasta/persatuan pekerja sektor swasta.

Tindakan-tindakan yang dicadangkan adalah mengikut tempoh serta merta, jangka pendek dan jangka panjang. Pelan Tindakan Pembangunan Wanita menggariskan objektif, strategi dan tindakan yang meliputi 13 sektor iaitu:

i. Wanita dan Ekonomi;
ii. Kemiskinan di Kalangan Wanita;
iii. Wanita dan Undang-undang;
iv. Keganasan Terhadap Wanita;
v. Wanita dan Kesihatan;
vi. Wanita dalam Bidang Pendidikan dan Latihan;
vii. Wanita dalam Bidang Sains dan Teknologi;
viii. Wanita dan Media;
ix. Wanita dan Alam Sekitar;
x. Wanita dan Sukan;
xi. Wanita dan Agama, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan;
xii. Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan dan Politik; dan
xiii. Mekanisme, Jentera dan Institusi Pembangunan Wanita.

# WANITA DAN EKONOMI

## I. WANITA DAN EKONOMI

Wanita yang merupakan separuh daripada penduduk negara ini telah sama-sama menyumbang kepada pertumbuhan pesat ekonomi negara. Namun, kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh masih rendah iaitu antara 44.0 hingga 46.4 peratus dalam tempoh 1991 hingga 2007 berbanding dengan lelaki iaitu antara 79.5 hingga 85.3 peratus. Sementara itu, jumlah tenaga buruh pada tahun 2007 adalah sebanyak 10.9 juta di mana kadar penyertaan lelaki adalah sebanyak 6.9 juta (63.9%) dan wanita adalah sebanyak 3.9 juta (36.1%) pada tahun 2007. Kadar penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan adalah rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju dan juga beberapa negara sedang membangun. Sebagai contoh, kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh di Sweden adalah melebihi 78.2 peratus, Denmark 76.4 peratus dan United Kingdom 69.8 peratus. Kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh di negara-negara sedang membangun seperti Thailand adalah pada kadar 71.4 peratus, Kemboja 78.0 peratus, Indonesia 53.3 peratus dan Laos 56.5 peratus.

Satu Kajian Penggunaan Masa dan Kerja Tanpa Bayaran Di Malaysia yang dilaksanakan oleh KPWKM dengan kerjasama Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2003 menunjukkan wanita menyumbang 75.6 peratus daripada kerja tanpa bayaran di negara ini yang dianggarkan bernilai RM75.6 bilion. Jumlah ini adalah satu jumlah yang besar nilainya walaupun tidak diambil kira dalam pengiraan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Oleh itu, usaha

akan diambil untuk mengenal pasti jurang antara lelaki dan wanita dalam pasaran pekerjaan dan nilai ekonomi yang disumbangkan oleh mereka dalam sektor informal.

Walaupun penyertaan wanita dalam aktiviti ekonomi kian menyerlah dan meningkat terutama dalam kategori pengurusan dan profesional, terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi, antara lain, masih wujud unsur-unsur diskriminasi terhadap wanita di tempat kerja, penyertaan wanita yang rendah dalam bidang keusahawanan dan isu berkaitan jaringan keselamatan sosial untuk wanita di luar pasaran pekerjaan.

Pelan Tindakan ini menggariskan objektif dan strategi bagi menangani cabaran-cabaran wanita dalam sektor ekonomi seperti berikut:

## PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA

## SEKTOR: WANITA DAN EKONOMI

### Objektif

1. **Meningkatkan penyertaan dan sumbangan wanita dalam pelbagai sektor pembangunan ekonomi negara di semua peringkat penglibatan dan pekerjaan ke arah mencapai kesaksamaan gender dalam bidang ekonomi.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **1. 1** Meningkatkan penyertaan dan sumbangan wanita dalam dunia pekerjaan (sektor formal). | **1.1.1** Menambahkan peluang dan mempelbagaikan jenis latihan kemahiran dalam pelbagai bidang termasuk dalam bidang pekerjaan bukan tradisi bagi wanita. | **1.1.1.1** Membuat kajian untuk mengenal pasti jurang penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan dan mewujudkan pangkalan data penyertaan wanita dalam semua peringkat dan bidang. | 2009-2010 | Bilangan wanita yang berkebolehan memasuki pasaran pekerjaan meningkat terutama dalam sektor berteknologi tinggi dan industri perkhidmatan. | • KPM<br>• KPT<br>• MITI<br>• KSM<br>• KPWKM<br>• KBS<br>• JPA<br>• IPT<br>• Sektor swasta |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.1.1.2** Menyediakan latihan praktikal/ sangkutan dengan agensi Kerajaan/sektor swasta sepadan dengan bidang pengajian yang diikuti di institusi pengajian/ latihan. | 2009-2010 | Sekurang-kurangnya 2% daripada wanita yang diberikan latihan menjawat jawatan yang sepadan dengan kelayakan. | • NGO |
| | | **1.1.1.3** Mengadakan perundingan dengan pihak industri supaya modul-modul pembelajaran menepati keperluan pasaran pekerjaan. | 2009-2010 | Modul-modul pembelajaran menepati keperluan pasaran pekerjaan. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.1.1.4** Mewujudkan peluang mengikuti latihan semula kepada wanita berdasarkan permintaan pasaran pekerjaan. | 2009-2010 | Bilangan wanita yang dilatih semula berdasarkan permintaan pasaran pekerjaan meningkat. | |
| | | **1.1.1.5** Mewujudkan ‘*special window*’ di bawah Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) untuk membiayai latihan kepada pekerja wanita dalam sektor yang diliputi di bawah HRDF. | 2009-2013 | Bilangan pekerja wanita yang dibiayai di bawah HRDF bertambah. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.1.1.6** Memberikan pendedahan dan bimbingan kerjaya dalam bidang bukan tradisi dari peringkat sekolah. | 2009-2015 | Bilangan pekerja wanita dalam bidang bukan tradisi meningkat. | |
| **1.2** Mengukuh dan mengekalkan kedudukan wanita dalam pekerjaan. | **1.2.1** Meningkatkan bilangan, peluang dan layanan saksama untuk wanita dalam pekerjaan. | **1.2.1.1** Mengkaji dan mengenal pasti masalah wanita dalam pekerjaan (masalah keluarga, eksploitasi, diskriminasi, gangguan seksual dan lain-lain). | 2009-2010 | Langkah-langkah menangani masalah wanita dalam pekerjaan digubal. | • KSM<br>• KPT<br>• JPA<br>• AGC<br>• SPA<br>• Sektor swasta<br>• NGO |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.2.1.2** Membangunkan program pemerkasaan dan pembangunan kapasiti. | 2009-2010 | Bilangan pekerja wanita yang diperkasakan dan berkemahiran meningkat. | |
| | | **1.2.1.3** Menyediakan prasarana, dasar dan perundangan sewajarnya untuk menggalakkan wanita bekerja. | 2009-2010 | Prasarana, dasar dan perundangan yang menggalakkan wanita bekerja dilaksanakan seperti pelaksanaan waktu kerja anjal, *teleworking,* Pejabat@Rumah dsb. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.2.1.4** Mewujudkan lorong (*path*) kerjaya untuk wanita dalam semua bidang termasuk bagi mencapai sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan. | 2009-2013 | Lorong kerjaya untuk wanita terbuka dengan lebih luas dalam sektor awam dan swasta termasuk sasaran sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan tercapai. | |
| | **1.2.2** Mewujudkan dan melaksanakan strategi keseimbangan kerjaya dan keluarga. | **1.2.2.1** Mempromosikan perkongsian tanggungjawab di kalangan ahli keluarga dalam pengurusan rumah tangga. | 2009-2010 | Keseimbangan tanggungjawab antara kerjaya dan pengurusan rumah tangga tercapai. | • KSM<br>• KPWKM<br>• Agensi Kerajaan<br>• Sektor swasta<br>• NGO |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.2.2.2** Melaksanakan aktiviti kesedaran gender termasuk hak-hak wanita di kalangan majikan dan pekerja. | 2009-2015 | Kesedaran gender termasuk hak-hak wanita di kalangan majikan dan pekerja meningkat kepada 10% dalam tahun 2015 berbanding tahun 2009. | |
| | **1.2.3** Memastikan majikan menyediakan kemudahan dan sokongan kepada wanita bekerja. | **1.2.3.1** Menggalakkan persekitaran kerja mesra keluarga seperti mewujudkan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja, mengamalkan waktu kerja fleksibel dan menyediakan | 2009-2010 | Persekitaran kerja mesra keluarga meningkat di sektor awam dan swasta. | • JPA<br>• KSM<br>• Sektor swasta |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | kemudahan cuti untuk menjaga anak. | | | |
| | | **1.2.3.2** Menggalakkan penubuhan TASKA dalam komuniti serta pusat penjagaan kanak-kanak di luar waktu persekolahan. | 2009-2010 | Bilangan TASKA dalam komuniti meningkat 10 buah setahun dan pusat penjagaan kanak-kanak di luar waktu persekolahan kepada 5 buah setahun. | |
| | | **1.2.3.3** Menggalakkan penubuhan dan pengurusan TASKA melalui kaedah *Corporate Social Responsibility* (CSR). | 2009-2015 | Peningkatan bilangan TASKA yang ditubuhkan melalui kaedah CSR. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **1.3** Menggalakkan wanita kembali ke dalam pekerjaan. | **1.3.1** Memudah cara kemasukan semula wanita ke dalam pasaran pekerjaan. | **1.3.1.1** Menyemak semula dasar dan peraturan penggajian di sektor awam dan swasta. | 2009-2010 | Dasar dan peraturan penggajian baru di sektor awam dan swasta mendorong wanita kembali ke dalam pasaran. | • KPWKM<br>• KSM<br>• JPA<br>• SPA<br>• Agensi Kerajaan<br>• Sektor swasta |
| | | **1.3.1.2** Melaksana program latihan semula di sektor awam dan swasta bagi menggalak pekerja wanita kembali ke pasaran pekerjaan. | 2009-2013 | Bilangan wanita yang kembali ke dalam pasaran pekerjaan meningkat. | |
| | | **1.3.1.3** Menganjurkan Program Advokasi Kembali Bekerja di sektor swasta | 2009-2013 | Kesedaran pekerja wanita dan majikan tentang manfaat | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | untuk pekerja wanita dan majikan. | | kembali bekerja meningkat. | |
| **1.4** Menghapuskan diskriminasi/ eksploitasi berasaskan gender di tempat kerja sektor formal dan informal termasuk syarat dan terma pekerjaan. | **1.4.1** Mengurangkan gangguan seksual di tempat kerja. | **1.4.1.1** Meningkatkan kepekaan dan kesedaran mengenai kesaksamaan gender termasuk hak-hak wanita di semua peringkat dan dalam semua sektor. | 2009-2010 | Aduan mengenai kes-kes gangguan seksual di tempat kerja oleh pekerja wanita meningkat. Dengan itu, insiden gangguan seksual di tempat kerja dapat dikurangkan. | • KPWKM<br>• KSM<br>• Agensi Kerajaan<br>• Sektor swasta<br>• NGO |
| | | **1.4.1.2** Memperbanyakkan program kesedaran mengenai hak asasi pekerja wanita. | 2009-2010 | Bilangan pekerja wanita yang sedar bahawa gangguan seksual adalah merupakan pencabulan | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | kepada hak asasi wanita meningkat. | |
| | | **1.4.1.3** Melaksanakan program pendidikan dan latihan untuk menangani gangguan seksual di tempat kerja untuk pekerja wanita. | 2009-2013 | Bilangan pekerja wanita yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk menangani gangguan seksual di tempat kerja meningkat. | |
| | | **1.4.1.4** Meminda Akta Kerja 1955 bagi memasukkan peruntukan mengenai pencegahan dan pengendalian gangguan seksual di tempat kerja. | 2009-2013 | Pindaan Akta ini akan membolehkan penguatkuasaan terhadap pencegahan dan pengendalian gangguan seksual di tempat kerja. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | **1.4.2**<br>Menangani diskriminasi/ eksploitasi berasaskan gender di tempat kerja melalui mekanisme khusus. | **1.4.2.1**<br>Mewujudkan dan melaksanakan mekanisme khusus bagi menerima dan mengambil tindakan ke atas kes diskriminasi/ eksploitasi berasaskan gender di tempat kerja termasuk hak-hak reproduktif, faedah bersalin pekerja wanita dan suaminya (*maternity and paternity leave*), gaji sama bagi kerja yang sama, umur dan faedah persaraan yang sama antara lelaki dan wanita. | 2009-2013 | Kes-kes diskriminasi/ eksploitasi berasaskan gender di tempat kerja dikurangkan sebanyak 5% pada tahun 2013 berbanding dengan tahun 2009. | • KSM<br>• KPWKM<br>• Agensi Kerajaan<br>• Sektor swasta<br>• NGO |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.4.2.2** Meningkatkan dan memantapkan pelaksanaan mekanisme khusus bagi menerima dan mengambil tindakan ke atas kes-kes diskriminasi/ eksploitasi berasaskan gender di tempat kerja. | 2009-2015 | Kes-kes diskriminasi dan eksploitasi berasaskan gender di tempat kerja ditangani dengan lebih berkesan. | |
| **1.5** Meningkatkan bilangan peniaga dan usahawan wanita. | **1.5.1** Mengenal pasti dan memudah cara wanita yang berpotensi untuk menjadi peniaga dan usahawan. | **1.5.1.1** Mengenal pasti jurang penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan dalam pelbagai sektor. | 2009-2010 | Bilangan usahawan wanita yang inovatif dan kompetitif dan berkeupayaan menerokai bidang-bidang baru meningkat. | • MITI<br>• KKLW<br>• MOA<br>• KPWKM<br>• MITI<br>• SMIDEC<br>• KPKK<br>• ILIM |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.5.1.2** Memberi latihan teknikal dan bimbingan pengkhususan dalam pelbagai sektor. | 2009-2013 | Sekurang-kurangnya 5% wanita yang mendapat latihan teknikal dan bimbingan menjadi peniaga dan usahawan. | |
| | | **1.5.1.3** Mempermudahkan pemberian bantuan pinjaman kepada peniaga dan usahawan wanita termasuk menyediakan *‘special window’* untuk wanita di setiap institusi kewangan. | 2009-2013 | Bilangan peniaga dan usahawan wanita yang berjaya mendapat bantuan pinjaman meningkat. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.5.1.4** Meningkatkan jaringan kerja peniaga dan usahawan wanita dalam rantaian perniagaan yang diceburi. | 2009-2010 | Bilangan peniaga dan usahawan wanita yang berjaya memperluaskan perniagaan (*scaling-up*) ditingkatkan. | |
| | | **1.5.1.5** Penganjuran program motivasi serta kesedaran mengenai kemudahan/ bantuan yang disediakan oleh kerajaan melalui media cetak dan elektronik. | 2009-2010 | Pengetahuan dan kesedaran peniaga dan usahawan wanita terhadap kemudahan/ bantuan yang disediakan meningkat. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | **1.5.2** Meningkatkan bilangan pengusaha-pengusaha wanita dalam pelbagai sektor menjadi usahawan yang berdaya maju dan berdaya saing. | **1.5.2.1** Mengetengahkan pengusaha-pengusaha wanita dengan kemahiran pengurusan perniagaan yang sistematik serta penggunaan teknologi yang bersesuaian. | 2009-2010 | Bilangan pengusaha wanita menyertai ekspo perdagangan dalam dan luar negara meningkat. | • MITI<br>• MATRADE<br>• SMIDEC<br>• Bank Negara<br>• KPWKM<br>• Persatuan-persatuan usahawan<br>• FEM<br>• NAWEM<br>• PENIAGAWATI<br>• DPMM |
| | | **1.5.2.2** Menggalakkan pengusaha-pengusaha bekerjasama untuk menghasil dan memasarkan produk dalam skala besar. | 2009-2010 | Produk-produk yang dihasilkan oleh wanita dapat dipasarkan dalam skala besar. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.5.2.3** Meningkatkan sinergi antara agensi yang melaksanakan program pembangunan usahawan. | 2009-2010 | Program-program pembangunan keusahawanan bagi wanita dilaksanakan secara bersepadu. | |
| | | **1.5.2.4** Menggiatkan program mentor-mentee bagi wanita yang mula menceburi bidang keusahawanan. | 2009-2010 | Bilangan usahawan wanita yang berjaya dalam bidang keusahawanan meningkat. | |
| | | **1.5.2.5** Mengenal pasti syarikat milik wanita yang berpotensi untuk dikembangkan. | 2009-2013 | Bilangan syarikat milik wanita yang berkembang dan berdaya maju bertambah. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.5.2.6**<br>Menubuhkan koperasi yang diuruskan oleh tenaga profesional. | 2009-2013 | Bilangan koperasi wanita yang diurus secara profesional meningkat . | |
| | **1.5.3**<br>Mewujudkan Bank Pembangunan Wanita. | **1.5.3.1**<br>Melaksanakan kajian kemungkinan penubuhan Bank Pembangunan Wanita. | 2009-2010 | Cadangan penubuhan Bank Pembangunan Wanita dikemukakan kepada Kerajaan. | • MOF<br>• UPE<br>• Bank Negara<br>• KPWKM |
| | **1.5.4**<br>Mewujudkan jaringan keselamatan sosial | **1.5.4.1**<br>Mengkaji perluasan caruman dan liputan PERKESO kepada wanita dalam sektor informal dan di luar | 2009-2010 | Caruman dan liputan PERKESO diperluaskan kepada wanita dalam sektor | • MOF<br>• UPE<br>• KSM<br>• KPWKM<br>• PERKESO |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | pasaran pekerjaan. | | informal dan di luar pasaran pekerjaan. | |
| | | **1.5.4.2** Memberi pengiktirafan kerja "suri rumah" dengan mengkaji kemungkinan memperkenalkan dana caruman untuk suri rumah atau sistem "pencen" sekiranya berlaku perceraian atau kematian suami. | 2009-2013 | Skim perlindungan sosial seperti sistem "pencen" atau dana caruman diperkenalkan. | |
| **1.6** Mewujudkan kehidupan yang ceria dan produktif bagi wanita warga emas. | **1.6.1** Mengoptimum dan memanfaatkan sumber ilmu, pengetahuan, kepakaran dan | **1.6.1.1** Mewujudkan pangkalan data wanita yang berkelayakan berumur 55 hingga 70 tahun. | 2009-2010 | Pangkalan data wanita yang berkelayakan berumur 55 hingga 70 tahun diwujudkan. | • JPA<br>• KSM<br>• KPWKM<br>• MITI<br>• Sektor swasta<br>• NGO |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | pengalaman kerja pesara wanita. | | | | |
| | | **1.6.1.2** Meningkatkan pengambilan balik wanita bersara ke dalam pasaran pekerjaan. | 2009-2010 | Penyertaan wanita bersara dalam pasaran pekerjaan meningkat sebanyak 1% pada 2010. | |
| | | **1.6.1.3** Menggalakkan penglibatan wanita warga emas dalam bidang keusahawanan. | 2009-2010 | Bilangan wanita warga emas yang menceburi bidang keusahawanan meningkat. | |
| | | **1.6.1.4** Meningkatkan pengambilan wanita yang berkelayakan selepas bersara di peringkat lembaga | 2009-2013 | Penyertaan wanita warga emas di peringkat lembaga pengarah/ pengurusan | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | pengarah/ pengurusan tertinggi dan perunding (penasihat). | | tertinggi dan perunding (penasihat) ditingkatkan sebanyak 1% pada tahun 2013. | |
| **1.7** Meningkatkan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi wanita bekerja. | **1.7.1** Memastikan majikan memberi maklumat dan kesedaran kepada pekerja wanita tentang kepentingan bekerja dengan selamat dan sihat. | **1.7.1.1** Menggalakkan majikan menyediakan program kesedaran risiko dan *hazard* serta menyediakan latihan kepada pekerja wanita termasuk penggunaan peralatan perlindungan diri semasa bekerja. | 2009-2010 | Nisbah kes kemalangan tempat kerja berkurangan pada tahun 2010 berbanding 2009. | • KSM khususnya Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia<br>• Agensi Kerajaan<br>• Sektor swasta |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.7.1.2** Menggiatkan program peningkatan kesedaran kepada pekerja wanita tentang cara betul menangani tekanan yang disebabkan oleh bebanan kerja. | 2009-2010 | Kes-kes berkaitan tekanan disebabkan oleh bebanan kerja dikalangan pekerja wanita berkurangan. | |
| | **1.7.2** Memastikan majikan menyediakan kemudahan untuk keselamatan dan perlindungan bagi pekerja wanita. | **1.7.2.1** Menggalakkan majikan menyediakan tempat penginapan seperti asrama pekerja, rumah sewa khas untuk pekerja, pengangkutan dan peralatan keselamatan. | 2009-2010 | Kes-kes berkaitan keselamatan wanita di tempat kerja berkurangan. | • KSM<br>• Agensi Kerajaan<br>• Sektor swasta |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **1.8** Mengiktiraf sumbangan dan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan informal dan *unpaid work*. | **1.8.1** Mewujudkan dasar untuk mengiktiraf sumbangan wanita dalam sektor informal dan *unpaid work*. | **1.8.1.1** Menjalankan penyelidikan untuk mengenal pasti sektor informal dan *unpaid work* yang disertai oleh wanita dan nilai ekonomi yang disumbangkan oleh wanita. | 2009-2010 | Sumbangan wanita dalam sektor informal dan *unpaid work* dapat dinilai daripada segi ekonomi. | • KSM<br>• KPWKM<br>• UPE |

# KEMISKINAN DI KALANGAN WANITA

## II. KEMISKINAN DI KALANGAN WANITA

Pembasmian kemiskinan tegar dan pengurangan kemiskinan keseluruhan menjadi keutamaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Pengurangan ketidaksamaan antara etnik dan intraetnik juga penting dan akan ditangani dengan mengurangkan jurang antara luar bandar dengan bandar dan jurang antara wilayah serta jurang dalam guna tenaga, pendapatan dan kekayaan. Dalam hubungan ini, jurang kemiskinan antara gender juga perlu diberi perhatian sewajarnya.

Kadar kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia telah berjaya dikurangkan di bawah paras 4.0 peratus dan kadar kemiskinan tegar berjaya dikurangkan kepada 0.7 peratus pada tahun 2007. Kadar kemiskinan di kalangan ketua isi rumah wanita dapat dikurangkan daripada 12.5 peratus pada tahun 2002 kepada 11.5 peratus pada tahun 2004. Walaupun kadar kemiskinan di kalangan ketua isi rumah wanita dapat dikurangkan, kadar ini adalah jauh lebih tinggi daripada kadar kemiskinan di kalangan ketua isi rumah secara keseluruhan iaitu 3.6 peratus pada tahun 2007. Justeru, usaha-usaha perlu ditingkatkan bagi mengurangkan jurang kemiskinan antara gender.

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mencapai sasaran kemiskinan tegar sifar dan kemiskinan 2.8 peratus menjelang tahun 2010, Pelan Tindakan ini menggariskan objektif dan strategi untuk membasmi kemiskinan di kalangan wanita seperti berikut:

## PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA

## SEKTOR: KEMISKINAN DI KALANGAN WANITA

### Objektif

**1. Pengurangan kemiskinan di kalangan wanita.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **1.1** Meningkatkan taraf hidup golongan wanita miskin yang produktif (mampu bekerja). | **1.1.1** Mendayaupayakan wanita untuk menjana pendapatan. | **1.1.1.1** Mengadakan latihan kemahiran, khidmat nasihat dan bimbingan yang berterusan, kursus-kursus teknikal dan perniagaan kepada wanita khususnya ibu tunggal. | 2009-2010 | Sekurang-kurangnya 30% wanita yang diberi latihan dapat menjalankan aktiviti menjana pendapatan. | • KKLW<br>• KPKT<br>• MITI<br>• KBS<br>• KPWKM<br>• JPW<br>• JKM<br>• ICU<br>• Sektor swasta<br>• NGO |
| | | **1.1.1.2** Menjalankan analisis keperluan program-program dan latihan | 2009-2010 | Program dan latihan kemahiran menepati keperluan dan | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | kemahiran seperti pemasaran, pembungkusan dan pelabelan. | | kehendak kumpulan sasar. | |
| | | **1.1.1.3** Melaksanakan kursus motivasi, keagamaan dan perubahan sikap bagi menggalakkan penyertaan aktif dalam menjana ekonomi keluarga. | 2009-2010 | Bilangan wanita yang bergantung sepenuhnya kepada bantuan kebajikan berkurangan sebanyak 5%. | |
| | | **1.1.1.4** Mewujudkan jendela khusus (*special window*) untuk peniaga kecil wanita mendapatkan peluang dan perkhidmatan perniagaan. | 2009-2010 | Bilangan institusi kewangan yang mewujudkan jendela khusus untuk wanita bertambah. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.1.1.5** Menggalakkan penubuhan TASKA Komuniti melalui bantuan kewangan. | 2009-2010 | Bilangan TASKA Komuniti yang diwujudkan bertambah. | |
| | | **1.1.1.6** Menyalurkan sumber produktif dan maklumat melalui *outreach programme* seperti aktiviti Pendamping di semua peringkat termasuk peringkat akar umbi. | 2009-2013 | Peratusan wanita yang mendapat kemudahan kewangan mikro meningkat 5% setiap tahun. | |
| | | **1.1.1.7** Meningkatkan peranan Rumah Nur sebagai pusat rujukan dan sebarang maklumat setempat seperti mendapatkan maklumat tentang | 2009-2013 | Pengetahuan wanita tentang maklumat-maklumat yang disediakan meningkat. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | kemudahan perumahan. | | | |
| | | **1.1.1.8** Meningkatkan perkongsian pintar antara Kerajaan, sektor swasta dan NGO seperti menjalankan aktiviti kampung angkat. | 2009-2013 | Bilangan aktiviti penjanaan pendapatan bagi wanita bertambah. | |
| | **1.1.2** Menyediakan dan mempelbagaikan peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang termasuk pertanian moden, perkhidmatan dan perniagaan kecilan. | **1.1.2.1** Menyediakan peluang pekerjaan yang bersesuaian seperti pencucian, pembantu rumah, penjagaan anak di rumah/TASKA dan Pejabat@Rumah. | 2009-2013 | Kemudahan peluang pekerjaan bagi wanita khususnya ibu tunggal meningkat. | • KKLW<br>• KPKT<br>• MITI<br>• KPWKM<br>• JPW<br>• JKM<br>• KBS<br>• ICU<br>• Institusi kewangan<br>• Sektor swasta<br>• NGO |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.1.2.2** Menyediakan latihan kemahiran untuk anak-anak, remaja dan belia yang tercicir dari sistem pendidikan. | 2009-2015 | 30% remaja dan belia yang diberi latihan kemahiran berjaya mendapat peluang pekerjaan atau menjalankan aktiviti menjana pendapatan. | |
| | **1.1.3** Memudahkan wanita untuk mengakses sumber produktif (modal, latihan, ICT, teknologi mesra wanita) bagi memulakan perniagaan. | **1.1.3.1** Menggalakkan penubuhan koperasi di kalangan wanita miskin. | 2009-2010 | Bilangan wanita yang menceburi aktiviti perniagaan meningkat. | |
| | | **1.1.3.2** Memperluaskan kemudahan kewangan/mikro kredit melalui NGO/GO agensi awam dan sektor swasta seperti Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED), Tabung | 2009-2015 | 10% wanita yang miskin dikeluarkan daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK) pada tahun 2015. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Ekonomi Usaha Niaga (TEKUN), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan lain-lain. | | | |
| | **1.1.4**<br>Mengenal pasti punca kemiskinan di kalangan wanita termasuk ketua isi rumah wanita. | **1.1.4.1**<br>Mewujudkan satu sistem pangkalan data (kuantitatif dan kualitatif) berasaskan pecahan jantina secara bersepadu. | 2009-2010 | Keberkesanan program membasmi kemiskinan yang melibatkan wanita meningkat. | • KKLW<br>• KPKT<br>• MITI<br>• KPWKM<br>• JPW<br>• JKM<br>• LPPKN<br>• KBS<br>• KKM<br>• ICU<br>• DOS<br>• Agensi-agensi Kerajaan berkaitan<br>• Institusi kewangan<br>• Sektor swasta<br>• NGO |
| | | **1.1.4.2**<br>Menjalankan analisis gender untuk mengenal pasti punca kemiskinan di kalangan wanita termasuk mewujudkan *profiling* ibu tunggal dan ketua isi rumah wanita. | 2009-2010 | Bilangan wanita yang mengikuti program-program membasmi kemiskinan meningkat. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.1.4.3** Meningkatkan pemantauan ke atas keberkesanan dan kesesuaian program-program pembasmian kemiskinan oleh agensi pelaksana melalui petunjuk khusus seperti *Gender Poverty Index* (GPI). | 2009-2013 | Jurang kemiskinan berasaskan gender berkurangan. | |
| | **1.1.5** Meningkatkan sokongan Kerajaan ke atas *poverty focus* NGO seperti Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM). | **1.1.5.1** Menambah bantuan geran pelancaran/dana yang dibajetkan untuk pelaksanaan program. | 2009-2010 | Bilangan wanita yang mengikuti program-program pembasmian kemiskinan oleh NGO berkaitan meningkat. | • MOF<br>• KKLW<br>• NGO |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | **1.1.6** Mewujudkan jaringan keselamatan sosial. | **1.1.6.1** Mengkaji perluasan caruman dan liputan PERKESO kepada wanita dalam sektor informal dan di luar pasaran pekerjaan. | 2009-2010 | Tahap perlindungan kewangan kepada wanita dalam sektor informal dan di luar pasaran pekerjaan meningkat. | • MOF<br>• UPE<br>• KSM<br>• KPWKM<br>• PERKESO |
| | | **1.1.6.2** Mengkaji kemungkinan mewujudkan skim insurans kepada wanita miskin. | 2009-2010 | Tahap perlindungan kewangan kepada wanita miskin meningkat. | |
| | | **1.1.6.3** Memberi pengiktirafan kerja "suri rumah" dengan mengkaji kemungkinan memperkenalkan dana caruman untuk suri rumah atau sistem "pencen"/ "EPF". | 2009-2013 | Tahap perlindungan kewangan kepada suri rumah meningkat. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **1.2** Meningkatkan kesejahteraan golongan wanita miskin tidak berupaya untuk bekerja. | **1.2.1** Mempertingkatkan dan memperluaskan skim-skim bantuan sedia ada serta mengkaji kemungkinan memperkenalkan skim baru. | **1.2.1.1** Menggalakkan majikan melaksanakan *corporate social responsibility* melalui pemberian insentif pelepasan cukai, pemberian anugerah termasuk kepada syarikat yang mengamalkan *work life balance* di kalangan pekerja. | 2009-2010 | Akses wanita kepada bantuan kebajikan meningkat. | • KKLW<br>• KPKT<br>• MITI<br>• KPWKM<br>• JPW<br>• JKM<br>• DOS<br>• ICU<br>• JKKK<br>• Baitulmal<br>• Persatuan-persatuan agama bukan Islam<br>• Sektor swasta<br>• NGO |
| | | **1.2.1.2** Menggalakkan syarikat menjadikan pusat komuniti sebagai pusat komuniti angkat bagi melaksanakan aktiviti kemasyarakatan. | 2009-2010 | Akses wanita kepada kemudahan menjalankan aktiviti sosial meningkat. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.2.1.3** Meningkatkan peranan komuniti setempat dan NGO untuk mengenal pasti kumpulan yang memerlukan bantuan serta menyalurkan maklumat kepada agensi yang berkaitan. | 2009-2013 | Kes-kes pengabaian wanita miskin yang tidak berupaya bekerja berkurangan. | |
| | | **1.2.1.4** Mengumpul maklumat mengenai penerima bantuan agensi kerajaan bagi tujuan penyelarasan bantuan dan pemantauan. | 2009-2013 | Bantuan-bantuan kebajikan yang diagihkan lebih saksama dan adil. | |
| | | **1.2.1.5** Mempergiatkan aktiviti *Outreach Programme* seperti “Program Cari” bagi memastikan tiada | 2009-2015 | 95% wanita miskin dan daif menerima bantuan kebajikan. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | wanita miskin serta daif yang tercicir dan terpinggir daripada menerima bantuan kebajikan. | | | |
| | | **1.2.1.6** Mewujudkan sistem maklumat berpusat penerima bantuan. Contoh: Sistem Tapisan Penerima Bantuan. | 2009-2015 | Bantuan-bantuan kebajikan yang diagihkan lebih saksama dan adil. | |
| | | **1.2.1.7** Mengkaji kemungkinan mewujudkan jaringan keselamatan sosial terutama bagi golongan yang memerlukan. | 2009-2015 | Tahap perlindungan kewangan bagi golongan wanita yang tidak berupaya bekerja meningkat. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **1.3**<br>Mengenal pasti kumpulan sasar program kemiskinan seperti:<br>i. wanita kurang upaya<br>ii. wanita ketua isi rumah<br>iii. wanita yang suaminya dalam tahanan<br>iv. wanita yang terabai<br>v. pekerja seks<br>vi. wanita mangsa keganasan rumah tangga<br>vii. wanita orang asal<br>viii. wanita | **1.3.1**<br>Membekalkan maklumat program-program kemiskinan sedia ada kepada agensi kerajaan. | **1.3.1.1**<br>Memadankan program-program pembasmian kemiskinan yang tersenarai dalam RMK-9 dengan kumpulan-kumpulan sasar ini dan menyalurkan bantuan kepada mereka melalui agensi kerajaan yang berkenaan. | 2009-2010 | Program-program pembasmian kemiskinan meliputi semua kategori wanita. | Semua agensi yang terlibat dalam pembasmian kemiskinan terutamanya ICU, di bawah Jabatan Perdana Menteri. |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| pekerja ladang<br>ix. wanita yang menghidap HIV dan mempunyai masalah kewangan<br>x. wanita warga emas yang berumur lebih 70 tahun dan berisiko tinggi menghadapi masalah kemiskinan. | | | | | |

# WANITA DAN UNDANG-UNDANG

## III. WANITA DAN UNDANG-UNDANG

Pelbagai usaha menambah baik perundangan telah dilaksanakan bagi menangani diskriminasi terhadap wanita, antara lain, pindaan ke atas Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan yang menjamin tiada diskriminasi berasaskan gender serta beberapa akta dan peraturan seperti Akta Pencen 1980, Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960, Kanun Keseksaan, Kanun Tatacara Jenayah dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963. Namun, masih terdapat unsur-unsur diskriminasi terhadap wanita dalam beberapa perundangan dan keperluan mengharmonikan prinsip-prinsip *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination against Women* (CEDAW) dalam perundangan sedia ada dan dalam penggubalan undang-undang baru.

Kurang kesedaran di kalangan wanita tentang hak-hak mereka di sisi undang-undang juga menyebabkan diskriminasi terhadap wanita masih wujud dan membuka ruang kepada sesetengah pihak untuk mengambil kesempatan. Oleh itu, wanita perlu diberikan kefahaman untuk menuntut hak-hak mereka dari segi undang-undang.

Pelan Tindakan ini menggariskan objektif dan strategi bagi menangani unsur-unsur diskriminasi terhadap wanita dalam perundangan seperti berikut:

# PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA

## SEKTOR: WANITA DAN UNDANG-UNDANG

**Objektif**

1. **Mengenal pasti dan meminda undang-undang dan peruntukan sedia ada dan prosedur yang mendiskriminasikan wanita.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **1.1**<br>Meminda mana-mana peruntukan yang mendiskriminasikan wanita. | **1.1.1**<br>Menentukan skop definisi diskriminasi terhadap wanita yang jelas dan boleh diterima dalam konteks Malaysia. | **1.1.1.1**<br>Mengenal pasti undang-undang sedia ada yang mempunyai unsur diskriminasi terhadap wanita. | 2009-2010 | Satu undang-undang yang mempunyai unsur diskriminasi terhadap wanita dipinda. | • AGC<br>• JKSM<br>• KPWKM<br>• Ahli akademik<br>• Agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan<br>• NGO<br>• Pengamal undang- |
| | | **1.1.1.2**<br>Mengkaji pemakaian dan kesan undang-undang sedia ada seperti Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan. | 2009-2010 | Undang-undang berhubung definisi diskriminasi terhadap wanita diwujudkan. | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | undang |
| | **1.1.2**<br>Memudahkan penafsiran undang-undang dan pelaksanaan prosedur. | **1.1.2.1**<br>Menjalankan kajian dan meminda undang-undang dan prosedur yang berkaitan supaya mudah difahami. | 2009-2013 | Undang-undang dan prosedur yang sukar difahami dipinda. | • AGC<br>• JKSM<br>• Badan Kehakiman<br>• KPWKM<br>• Ahli akademik<br>• Agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan<br>• NGO<br>• Pengamal undang-undang |
| | | **1.1.2.2**<br>Memudahkan semua proses permohonan berkaitan undang-undang keluarga seperti kes–kes penceraian (nafkah, hak penjagaan, harta sepencarian dsb.). | 2009-2015 | Kes-kes tertunggak seperti kes–kes penceraian (nafkah, hak penjagaan, harta sepencarian dsb.) berkurangan. | |
| | | **1.1.2.3**<br>Mewujudkan sistem pemantauan untuk memudahkan pengesanan terhadap kes mahkamah seperti kes-kes keluarga dan kes keganasan terhadap wanita. | 2009-2015 | Maklumat mengenai kes-kes mahkamah mudah diakses. | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.1.2.4** Mengenal pasti percanggahan antara undang-undang sivil dan syariah berkaitan dengan hak-hak dan perlindungan wanita supaya tidak wujud diskriminasi terhadap wanita selaras dengan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan. | 2009-2015 | Peruntukan yang bercanggah antara undang-undang sivil dan syariah yang berkaitan dengan hak-hak dan perlindungan wanita diselaraskan. | |

## Objektif

**2. Mengintegrasikan prinsip-prinsip CEDAW ke dalam peruntukan undang-undang tertakluk kepada reservasi.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **2.1** Menentukan undang-undang negara selaras dengan prinsip CEDAW. | **2.1.1** Mengkaji semula, meminda undang-undang sedia ada atau menggubal undang-undang baru, sekiranya perlu. | **2.1.1.1** Mengadakan konsultansi dan rangkaian kerjasama dengan agensi kerajaan, bukan kerajaan dan masyarakat sivil yang berkenaan menggunakan pendekatan multi-sektor sinergi. | 2009-2010 | Kefahaman agensi kerajaan dan masyarakat sivil tentang pentingnya mengintegrasikan prinsip CEDAW dalam undang-undang negara meningkat. | • AGC<br>• KPWKM<br>• Agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan<br>• NGO<br>• Pengamal undang-undang<br>• Institusi pengajian tinggi dan badan-badan |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | penyelidikan |
| | | **2.1.1.2** Menjalankan penyelidikan perbandingan dari aspek pemakaian, amalan dan kesan undang-undang sedia ada dengan negara lain termasuk undang-undang syariah. | 2009-2010 | Prinsip CEDAW diintegrasikan dalam undang-undang negara. | |
| | | **2.1.1.3** Mengkaji dari semasa ke semasa reservasi-reservasi CEDAW. | 2009-2013 | Reservasi-reservasi CEDAW ditarik balik balik. | |
| | | **2.1.1.4** Mengkaji semula dan meminda undang-undang sedia ada yang berkaitan. | 2009-2015 | Undang-undang yang berunsur diskriminasi terhadap wanita dikaji semula dan dipinda. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2.1.1.5** Mengkaji kemungkinan penggubalan undang-undang kesaksamaan gender. | 2009-2015 | Undang-undang kesaksamaan gender digubal. | |
| | | **2.1.1.6** Menggunakan prinsip-prinsip CEDAW dan perundangan tempatan sebagai sebahagian daripada modul pendidikan perundangan dan latihan kepada pegawai-pegawai perundangan seperti hakim, peguam dan pendakwa raya. | 2009-2015 | Tahap kesedaran dan pengetahuan pegawai-pegawai perundangan seperti hakim, peguam dan pendakwa raya terhadap prinsip-prinsip CEDAW meningkat. | |

## Objektif

**3. Meningkatkan tahap perkhidmatan Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah supaya lebih efektif dan efisyen.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh Pelaksanaan | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **3.1** Menyediakan perkhidmatan yang baik, adil, cekap dan berkesan. | **3.1.1** Meningkatkan kesedaran tentang kewujudan instrumen-instrumen antarabangsa yang berkaitan dengan wanita seperti CEDAW kepada para hakim, pengamal undang-undang dan lain-lain. | **3.1.1.1** Meningkatkan latihan kepekaan gender kepada hakim dan badan perundangan. | 2009-2010 | Tahap kepekaan gender para hakim dan badan perundangan meningkat. | • SPKP<br>• SPA<br>• JPA<br>• AGC<br>• JKSM<br>• KPWKM<br>• ILKAP<br>• ILIM<br>• NGO |
| | | **3.1.1.2** Meningkatkan kualiti perkhidmatan dan pengurusan mahkamah termasuk melaksanakan *e–management.* | 2009-2013 | Kes-kes yang tertunggak melebihi setahun berkurangan. | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **3.1.1.3**<br>Melantik dan meningkatkan bilangan hakim wanita di Mahkamah Syariah. | 2009-2013 | Hakim wanita bagi Mahkamah Syariah dilantik. | |
| | | **3.1.1.4**<br>Menambahkan pengambilan kakitangan yang terlatih/ sesuai di samping mengadakan latihan secara intensif dan menambahkan kemahiran dan kepakaran di kalangan kakitangan. | 2009-2015 | Perkhidmatan Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah ditingkatkan dengan tahap kepuasan pelanggan ditingkatkan sebanyak 5%. | |
| | | **3.1.1.5**<br>Meningkatkan bilangan hakim wanita di Mahkamah Sivil dan mencapai sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan dan memegang jawatan | 2009-2015 | Bilangan hakim wanita di Mahkamah Sivil meningkat.<br><br>Sekurang-kurangnya 30% jawatan di peringkat pembuat keputusan disandang oleh wanita termasuk | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | yang selayaknya di mahkamah. | | jawatan yang selayaknya di mahkamah. | |
| | **3.1.2** Mewujudkan mekanisme pelaksanaan yang lebih berkesan. | **3.1.2.1** Menambahkan kemahiran dan kepakaran di kalangan pengamal undang-undang dan penguat kuasa. | 2009-2010 | Kemahiran dan kepakaran di kalangan pengamal undang-undang dan penguat kuasa meningkat. | • SPKP<br>• SPA<br>• JPA<br>• AGC<br>• JKSM<br>• KPWKM<br>• ILKAP<br>• ILIM<br>• Pengamal undang-undang<br>• NGO |
| | | **3.1.2.2** Mewujudkan mediasi untuk kes-kes keluarga di Mahkamah Sivil. | 2009-2013 | Peratusan kes-kes keluarga di Mahkamah Sivil yang diselesaikan dalam tempoh dua bulan meningkat. | |
| | | **3.1.2.3** Memperluas dan memperkukuhkan perkhidmatan mediasi di Mahkamah Syariah. | 2009-2013 | Peratusan kes-kes keluarga di Mahkamah Syariah yang diselesaikan dalam tempoh dua bulan meningkat. | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **3.1.2.4** Memperluaskan penubuhan Mahkamah Keluarga di Mahkamah Sivil. | 2009-2015 | Mahkamah Keluarga ditubuhkan di Mahkamah Sivil sekurang-kurangnya di tiga buah negeri. | |
| | | **3.1.2.5** Meningkatkan advokasi ke arah penyeragaman undang-undang syariah terutama undang-undang keluarga Islam. | 2009-2015 | Undang-undang syariah terutama undang-undang keluarga Islam diseragamkan. | |

**Objektif**

**4. Mewujudkan kesedaran mengenai hak-hak wanita di sisi undang-undang.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh Pelaksanaan | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **4.1**<br>Memberi pendidikan dan pendedahan mengenai hak wanita termasuk pemahaman tentang aspek undang-undang syariah. | **4.1.1**<br>Meningkatkan advokasi kepada semua lapisan masyarakat. | **4.1.1.1**<br>Mengadakan kursus, bengkel dan ceramah ke peringkat akar umbi. | 2009-2010 | Kesedaran wanita mengenai hak-hak wanita di sisi undang-undang ditingkatkan sebanyak 5%. | • KPWKM<br>• JPW<br>• KPKK<br>• Ahli akademik<br>• Agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan<br>• ILIM<br>• NGO<br>• Pengamal undang-undang<br>• Media massa<br>• Institusi dan pemimpin dalam |
| | | **4.1.1.2**<br>Menyebar luas maklumat melalui media cetak dan elektronik. | 2009-2010 | Tahap pemahaman mengenai undang-undang di kalangan wanita meningkat. | |
| | | **4.1.1.3**<br>Menggalakkan penyertaan kaum wanita dalam aktiviti | 2009-2010 | Lebih ramai wanita yang sedar mengenai isu-isu berkaitan | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | berpersatuan.<br><br>**4.1.1.4** Mempereratkan kerjasama pintar antara pihak NGO, swasta dan Kerajaan. | 2009-2010 | perundangan yang berkaitan wanita.<br><br>Kemudahan akses wanita kepada bantuan guaman meningkat. | komuniti<br>• Sektor swasta<br>• Ahli politik tempatan |

## Objektif

**5. Meningkatkan sikap prihatin dan sensitif di kalangan pihak penguatkuasa undang-undang supaya lebih bertanggungjawab terhadap wanita.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | Outcome | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **5.1**<br>Meningkatkan kepekaan gender agensi penguat kuasa. | **5.1.1**<br>Mengadakan latihan khusus berkaitan dengan hak-hak wanita. | **5.1.1.1**<br>Merangka modul latihan khusus untuk pihak penguat kuasa undang-undang. | 2009-2010 | Tahap kepekaan gender pegawai agensi penguat kuasa meningkat. | • Semua agensi penguat kuasa<br>• PDRM<br>• AGC<br>• KPWKM<br>• Ahli akademik<br>• Agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan<br>• NGO<br>• Pengamal undang- |
| | | **5.1.1.2**<br>Meningkatkan pengetahuan tentang undang-undang berkaitan dengan keganasan terhadap wanita. | 2009-2010 | Tahap sensitiviti pegawai agensi penguat kuasa terhadap kes-kes keganasan terhadap wanita meningkat. | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **5.1.1.3** Memperkemaskan prosedur kerja *(Standard Operating Procedure)* berkaitan dengan pengendalian kes-kes yang melibatkan wanita. | 2009-2010 | Tahap kepuasan wanita terhadap cara pengendalian kes yang melibatkan wanita meningkat. | undang<br>• Majlis Peguam Malaysia |

## Objektif

**6. Meningkatkan dan memperluaskan skop perkhidmatan dan bantuan guaman yang mudah dicapai dan mampu diperolehi oleh wanita.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **6.1** Meningkatkan dan memperluaskan perkhidmatan guaman yang disediakan oleh sektor awam dan sektor bukan kerajaan. | **6.1.1** Menggalakkan pemberi khidmat bantuan guaman untuk meningkatkan dan memperluaskan perkhidmatan kepada semua wanita yang memerlukan. | **6.1.1.1** Meningkatkan penyebaran maklumat berkaitan perkhidmatan bantuan guaman. | 2009-2010 | Kemudahan akses wanita kepada perkhidmatan guaman meningkat. | • BBG<br>• AGC<br>• JPA<br>• Ahli akademik<br>• Agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan<br>• NGO<br>• Pengamal undang-undang<br>• Media massa |
| | | **6.1.1.2** Mengumpul dan menganalisis data kes-kes yang dikendalikan oleh pemberi khidmat bantuan guaman yang melibatkan wanita sebagai pengadu. | 2009-2010 | Bantuan-bantuan guaman yang diberikan disesuaikan dengan keperluan wanita. | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **6.1.1.3** Mempereratkan kerjasama pintar di antara pihak kerajaan dan organisasi pemberi khidmat bantuan guaman. | 2009-2010 | Khidmat bantuan guaman mudah dicapai oleh wanita di peringkat akar umbi. | |
| | | **6.1.1.4** Meningkatkan kepekaan terhadap keperluan wanita menerusi latihan, pendidikan, kempen, publisiti dsb. | 2009-2010 | Kepekaan pegawai guaman terhadap keperluan wanita meningkat. | |
| | | **6.1.1.5** Menambahkan bilangan organisasi dan kakitangan pemberi khidmat bantuan guaman. | 2009-2013 | Bilangan wanita yang mendapat perkhidmatan bantuan guaman bertambah. | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **6.1.1.6** Meningkatkan kompetensi pegawai dan kakitangan pemberi khidmat bantuan guaman menerusi latihan khusus. | 2009-2015 | Bilangan kes-kes yang diselesaikan dalam tempoh yang lebih cepat bertambah. | |
| | | **6.1.1.7** Menyediakan perkhidmatan di tempat yang mudah diakses seperti mengadakan ‘*mobile clinic*’. | 2009-2015 | Liputan perkhidmatan bantuan guaman kepada wanita lebih meluas. | |

**Objektif**

**7. Memperkukuhkan Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah dengan mengadakan sistem sokongan perkhidmatan.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **7.1** Menyediakan sistem sokongan perkhidmatan bagi menangani kes-kes masalah keluarga. | **7.1.1** Memperluaskan skop perkhidmatan Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah. | **7.1.1.1** Menyediakan kursus dan latihan sangkutan termasuk kepada pegawai-pegawai dan kakitangan berkaitan. | 2009-2010 | Tahap kompetensi pegawai-pegawai dan kakitangan yang memberi khidmat sokongan bertambah. | • Badan kehakiman<br>• KPWKM<br>• BHEUU<br>• Pengamal undang-undang |
| | | **7.1.1.2** Mewujudkan perkhidmatan kaunseling dan mediasi. | 2009-2013 | Kes-kes masalah keluarga yang diselesaikan melalui perkhidmatan kaunseling dan mediasi bertambah. | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **7.1.1.3** Menambahkan bilangan Mahkamah Keluarga di Mahkamah Sivil yang mesra pelanggan (mengikut keperluan). | 2009-2015 | Kes-kes keluarga diselesaikan dalam suasana yang harmoni. | |
| | | **7.1.1.4** Mewujudkan pihak berkuasa mengenai sokongan keluarga (*family-support authority)* untuk menjalankan penguatkuasaan perintah Mahkamah. | 2009-2015 | Kes-kes ingkar perintah mahkamah terutama mengenai pembayaran nafkah berkurangan. | |
| | | **7.1.1.5** Mengkaji serta mengaplikasi amalan terbaik dari negara luar di mana bersesuaian. | 2009-2015 | Sistem sokongan yang cekap dan berkesan diwujudkan. | |

## Objektif

**8. Mempercepatkan proses penyelesaian kes-kes mahkamah berkaitan isu-isu kekeluargaan dan meningkatkan mutu penghakiman kes-kes tersebut.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi/ Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **8.1** Mewujudkan sistem mahkamah yang khusus untuk pengendalian kes-kes berkaitan dengan keluarga. | **8.1.1** Menubuhkan Mahkamah Keluarga. | **8.1.1.1** Meningkatkan advokasi kepada *key personnel* dalam bidang kehakiman dan perundangan tentang pentingnya pewujudan Mahkamah Keluarga. | 2009-2010 | Sokongan untuk menubuhkan Mahkamah Keluarga diperolehi daripada *key personnel* dalam bidang kehakiman dan perundangan. | • KPWKM<br>• BHEUU<br>• AGC |
| | | **8.1.1.2** Membuat kajian perbandingan dengan negara lain mengenai pelaksanaan Mahkamah Keluarga. | 2009-2013 | Sistem pelaksanaan Mahkamah Keluarga diwujudkan. | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **8.1.1.3** Menggubal Akta Mahkamah Keluarga. | 2009-2015 | Akta Mahkamah Keluarga digubal dan diluluskan. | |

# KEGANASAN TERHADAP WANITA

## IV. MENANGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA

Keganasan terhadap wanita merupakan isu kritikal yang boleh menjejaskan kemajuan dan kesejahteraan wanita. Isu ini perlu ditangani bagi mewujudkan persekitaran yang selamat untuk wanita supaya mereka bebas daripada penganiayaan. Dalam tempoh 2000 hingga 2007, kes rogol meningkat daripada 1,217 pada tahun 2000 kepada 3,098 pada tahun 2007. Kes keganasan rumah tangga pula berkurangan daripada 3,468 pada tahun 2000 kepada 2,055 pada tahun 2003 dan meningkat kepada 3,756 pada tahun 2007.

Usaha bersepadu perlu diambil bagi meningkatkan kesedaran masyarakat khususnya wanita terhadap tanggungjawab dalam menangani isu keganasan terhadap wanita. Program kesedaran dan latihan berkaitan keganasan terhadap wanita hendaklah melibatkan setiap lapisan masyarakat termasuk kaum lelaki. Perkhidmatan sokongan sosial perlu ditingkatkan terutama dari aspek pencegahan, perlindungan dan pemulihan.

Pelan Tindakan ini menggariskan objektif dan strategi bagi menangani isu keganasan terhadap wanita seperti berikut:

## PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA

## SEKTOR : KEGANASAN TERHADAP WANITA

**Objektif**

**1. Mengurangkan kes-kes keganasan terhadap wanita.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **1.1** Mencegah keganasan terhadap wanita. | **1.1.1** Mengenal pasti punca-punca keganasan terhadap wanita. | **1.1.1.1** Menjalankan kajian berkenaan punca-punca keganasan terhadap wanita. | 2009-2010 | Pengetahuan dan keupayaan wanita dan lelaki bagi mencegah keganasan berasaskan gender meningkat. | • PDRM<br>• AGC |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | **1.1.2**<br>Meningkatkan pengetahuan wanita bagi mencegah keganasan terhadap wanita. | **1.1.2.1**<br>Mengadakan kempen kesedaran dan menyebarluaskan maklumat mengenai punca-punca keganasan terhadap wanita kepada wanita dan lelaki bagi mencegah kes keganasan terhadap wanita. | 2009-2015 | Nisbah kes keganasan terhadap wanita berbanding bilangan penduduk wanita berkurangan. | • KPM<br>• KPT<br>• KPWKM<br>• KPKK<br>• NGO |
| | **1.1.3**<br>Membangunkan kemahiran mempertahankan diri di kalangan wanita. | **1.1.3.1**<br>Menyediakan kemudahan dan sesi latihan mempertahankan diri di sekolah, di tempat kerja dan dalam komuniti. | 2009-2015 | Kemudahan latihan mempertahankan diri menjadi sebahagian daripada aktiviti di sekolah, di tempat kerja dan dalam komuniti. | • KBS<br>• KPWKM<br>• KPM<br>• KPT<br>• IPT<br>• NGO |

## Objektif

**2. Menghapuskan masalah pemerdagangan orang yang melibatkan wanita.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **2.1**<br>Menangani masalah pemerdagangan orang di kalangan wanita termasuk warganegara asing. | **2.1.1**<br>Meningkatkan usaha menangani masalah pemerdagangan orang melalui perundangan, penguatkuasaan dan perlindungan mangsa. | **2.1.1.1**<br>Meratifikasikan triti antarabangsa seperti *Protocol to Prevent, Suppress and Punish Trafficking in Persons, especially Women and Children Supplementary to the United Nations Convention against Transnational Organized Crime*. | 2009-2010 | Triti antarabangsa berkaitan diratifikasi.<br><br>Kemahiran pegawai-pegawai yang mengendalikan masalah pemerdagangan orang meningkat. | • KDN<br>• JPW<br>• JKM<br>• LPPKN<br>• KKM<br>• KPKK<br>• AGC<br>• NGO |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
| --- | --- | --- | --- | --- | --- |
| | | **2.1.1.2** Meningkatkan usaha di peringkat antarabangsa seperti kerjasama serantau dan bilateral terutama dengan negara asal mangsa dan negara transit. | 2009-2015 | Kes-kes pemerdagangan orang di kalangan wanita terutama warganegara asing berkurangan. | |
| | | **2.1.1.3** Mengumpul data dan menganalisa maklumat mengenai mangsa wanita. | 2009-2015 | Pangkalan data mengenai mangsa wanita dibangunkan.<br><br>Profil mangsa wanita diwujudkan. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2.1.1.4** Meningkatkan sistem sokongan seperti penyediaan rumah perlindungan dan khidmat guaman. | 2009-2015 | Perlindungan dan kebajikan mangsa terpelihara. | |
| | | **2.1.1.5** Memberikan latihan kepada pegawai perundangan, pegawai penguat kuasa, pegawai pelindung dan pegawai perubatan supaya peka dengan keperluan mangsa wanita. | 2009-2015 | Mangsa wanita dikendalikan selaras dengan piawaian yang ditetapkan. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2.1.1.6** Menyediakan kemudahan perubatan dan kaunseling bagi mangsa wanita. | 2009-2015 | Gangguan emosi/ trauma mangsa dapat dikurangkan. | |
| | | **2.1.1.7** Mengadakan program kesedaran untuk wanita dan masyarakat mengenai masalah pemerdagangan orang. | 2009-2015 | Bilangan wanita tempatan yang menjadi mangsa pemerdagangan orang termasuk *drug mules* berkurangan. | |

## Objektif

**3. Mendidik dan meningkatkan kesedaran bagi menghapus segala bentuk keganasan terhadap wanita.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **3.1**<br>Memberi pendidikan mengenai kesan negatif keganasan berasaskan gender ke atas wanita, keluarga dan masyarakat. | **3.1.1**<br>Mewujudkan kurikulum berkaitan keganasan berasaskan gender. | **3.1.1.1**<br>Mengkaji semula dan menambah baik modul-modul latihan sedia ada dan membangunkan modul baru mengenai isu keganasan berasaskan gender. | 2009-2010 | Pengetahuan dan kemahiran menangani keganasan berasaskan gender di kalangan masyarakat meningkat. | • KPM<br>• KPT<br>• KKM<br>• JPW<br>• JKM<br>• LPPKN<br>• Agensi-agensi Kerajaan berkaitan<br>• IPT<br>• NGO |
| | | **3.1.1.2**<br>Membangunkan kurikulum pengajaran untuk tenaga pengajar di institut pengajian tinggi. | 2009-2010 | Kemahiran pelajar-pelajar di institut pengajian tinggi dalam menangani keganasan berasaskan gender meningkat. | |

| **Objektif Khusus** | **Strategi** | **Aktiviti Umum** | **Tempoh** | ***Outcome*** | **Agensi Pelaksana** |
| --- | --- | --- | --- | --- | --- |
| | | **3.1.1.3** Memasukkan pendidikan kesedaran mengenai keganasan berasaskan gender dalam kurikulum pendidikan sedia ada. | 2009-2013 | Satu kurikulum berkaitan keganasan berasaskan gender dibangunkan. | |
| **3.2** Meningkatkan kesedaran mengenai segala aspek berkaitan keganasan berasaskan gender. | **3.2.1** Meningkatkan usaha-usaha advokasi berkaitan segala aspek keganasan berasaskan gender. | **3.2.1.1** Melaksanakan *training-of-trainers* (TOT) dalam bidang kepekaan gender dan kaedah menangani keganasan berasaskan gender. | 2009-2010 | Kumpulan jurulatih yang mahir dalam kaedah menangani keganasan berasaskan gender diwujudkan. | • JPW<br>• JKM<br>• LPPKN<br>• PDRM<br>• KPKK<br>• JAKIM<br>• ILIM<br>• Badan-badan agama<br>• NGO |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **3.2.1.2** Meningkatkan latihan kepekaan gender dan latihan bagi menangani keganasan berasaskan gender kepada pihak penguat kuasa dan agensi yang berkaitan. | 2009-2010 | Kemahiran pegawai-pegawai yang mengendalikan kes keganasan berasaskan gender meningkat. | |
| | | **3.2.1.3** Menyebar luas maklumat mengenai keganasan berasaskan gender termasuk wujudnya Akta Keganasan Rumah tangga 1994 melalui kempen advokasi, risalah, media cetak dan media elektronik. | 2009-2010 | Tahap kesedaran masyarakat mengenai segala aspek berkaitan keganasan berasaskan gender meningkat. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **3.2.1.4** Mengadakan forum konsultatif, bengkel, seminar dan dialog mengenai punca-punca keganasan berasaskan gender termasuk penyalahgunaan dadah dan pengaruh alkohol. | 2009-2010 | Pengetahuan dan keupayaan wanita bagi mencegah keganasan berasaskan gender meningkat. | |
| | | **3.2.1.5** Mengadakan latihan/kursus khusus dalam bidang pencegahan keganasan untuk kaum lelaki seperti kem kesihatan, bengkel, forum, debat dan khutbah agama. | 2009-2010 | Bilangan lelaki yang memahami impak negatif keganasan terhadap wanita meningkat. | |

| **Objektif Khusus** | **Strategi** | **Aktiviti Umum** | **Tempoh** | ***Outcome*** | **Agensi Pelaksana** |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **3.2.1.6** Memasukkan komponen mengenai keganasan rumah tangga dalam kurikulum kursus pra perkahwinan. | 2009-2010 | Kes-kes keganasan rumah tangga berkurangan. | |

## Objektif

**4. Memperluaskan sistem sokongan sosial bagi mangsa keganasan berasaskan gender.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **4.1** Meningkatkan perkhidmatan sokongan sosial yang berkesan bagi mangsa keganasan berasaskan gender termasuk mangsa penyalahgunaan dadah dan pengaruh alkohol. | **4.1.1** Meningkatkan kepakaran dalam menangani keganasan berasaskan gender. | **4.1.1.1** Menambah bilangan kakitangan yang komited, dedikasi, berkelayakan dan berkemahiran. | 2009-2010 | Mangsa keganasan berasaskan gender dikendalikan selaras dengan piawaian yang ditetapkan. | • JPW<br>• JKM<br>• ISM<br>• KPT<br>• KKM<br>• PDRM<br>• NGO |
| | **4.1.2** Memantap dan memperluaskan perkhidmatan sokongan sosial. | **4.1.2.1** Melaksanakan aktiviti perkhidmatan sokongan seperti kaunseling, mediasi, bimbingan, perlindungan dan pemulihan. | 2009-2010 | Sekurang-kurangnya 60% daripada kes yang dirujuk untuk mendapat perkhidmatan sokongan sosial berjaya diselesaikan. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **4.1.2.2**<br>Mengkaji semula dan menyelaraskan *SOP* antara agensi. | 2009-2013 | Pengendalian kes keganasan berasaskan gender lebih berkesan dan menepati piawaian. | |
| | | **4.1.2.3**<br>Mengadakan sesi dialog multi *diciplinary/inter-agency* dan NGO. | 2009-2013 | Program-program menangani keganasan berasaskan gender dilaksanakan dengan lebih berkesan. | |
| | **4.1.3**<br>Meningkatkan bilangan pusat perkhidmatan sokongan mangsa keganasan berasaskan gender. | **4.1.3.1**<br>Menyediakan Pusat Khidmat Sepadu (OSCC) yang memberi kemudahan untuk mangsa keganasan berasaskan gender mendapat khidmat nasihat, kaunseling, membuat laporan, mendapatkan rawatan, rujukan dsb. | 2009-2013 | Pusat Khidmat Sepadu di peringkat daerah diwujudkan. | • KKM<br>• JKM<br>• JPW<br>• LPPKN<br>• PDRM<br>• NGO |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **4.1.3.2** Menambahkan bilangan rumah perlindungan bagi mangsa keganasan berasaskan gender. | 2009-2013 | Perlindungan kepada mangsa keganasan berasaskan gender dapat ditingkatkan. | |

## Objektif

### 5. Pemulihan mangsa keganasan berasaskan gender.

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **5.1**<br>Memastikan mangsa keganasan berasaskan gender pulih seperti sedia kala. | **5.1.1**<br>Menyediakan perkhidmatan pemulihan. | **5.1.1.1**<br>Meningkatkan kemahiran khas kakitangan di institusi pemulihan, rumah perlindungan dll. | 2009-2010 | Proses pemulihan mangsa dikendalikan dengan lebih berkesan. | • KKM<br>• JPW<br>• JKM<br>• ISM<br>• Institusi penyelidikan<br>• IPT<br>• NGO |
| | | **5.1.1.2**<br>Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan dalam teknik-teknik pemulihan. | 2009-2013 | Sekurang-kurangnya 30% mangsa keganasan berasaskan gender dapat kembali menjalani kehidupan normal. | |

## Objektif

**6. Mengenal pasti dan memulihkan pesalah laku kes keganasan terhadap wanita termasuk pesalah berulang (*repeat offenders*).**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **6.1** Mengenal pasti pesalah laku kes keganasan berasaskan gender. | **6.1.1** Membangunkan sistem maklumat bagi pengesanan pesalah laku. | **6.1.1.1** Mengemas kini data pesalah laku untuk merangka program intervensi. | 2009-2010 | Program intervensi yang dilaksanakan lebih berkesan. | • KDN<br>• JKM<br>• PDRM<br>• Institusi penyelidikan<br>• IPT<br>• Institusi keagamaan<br>• NGO |
| | | **6.1.1.2** Mewujudkan peraturan bagi mewajibkan pendaftaran pesalah laku. | 2009-2015 | Satu sistem maklumat yang berupaya mengesan pesalah laku keganasan berasaskan gender dibangunkan. | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **6.2**<br>Memulihkan pesalah laku keganasan berasaskan gender. | **6.2.1**<br>Menyediakan khidmat pemulihan. | **6.2.1.1**<br>Meningkatkan kemahiran khas kakitangan di institusi pemulihan dan pusat perkhidmatan sokongan. | 2009-2010 | Program pemulihan pesalah laku keganasan berasaskan gender dirangka. | • KDN<br>• KPWKM<br>• NGO |
| | | **6.2.1.2**<br>Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan dalam teknik-teknik pemulihan. | 2009-2010 | Sekurang-kurangnya 20% pesalah laku keganasan berasaskan gender dipulihkan. | |

# WANITA DAN KESIHATAN

## V. WANITA DAN KESIHATAN

Taraf kesihatan wanita di Malaysia pada keseluruhannya adalah membanggakan hasil daripada sistem kesihatan yang berkesan dan setanding dengan negara maju. Jangka hayat ketika lahir bagi wanita yang merupakan petunjuk taraf kesihatan meningkat daripada 74.7 tahun pada tahun 2000 kepada 76.5 tahun pada tahun 2007. Kadar kematian ibu mengandung wanita juga kekal rendah pada 0.3 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup dalam tempoh yang sama.

Bagi memastikan kesihatan dan kesejahteraan wanita, penekanan perlu diberikan kepada isu-isu kesihatan masa kini yang dihadapi oleh wanita. Bilangan wanita yang dijangkiti HIV meningkat daripada 481 orang pada tahun 2000 kepada 745 orang pada tahun 2007. Dalam tempoh yang sama, peratusan wanita yang dijangkiti HIV berdasarkan kes yang dilaporkan juga meningkat daripada 9.4 peratus kepada 16.4 peratus.

Penggalakan dan pencegahan kesihatan harus diberikan penekanan bagi mempertingkatkan taraf kesihatan dan kualiti hidup wanita. Justeru, pendekatan holistik dan kreatif perlu dipertingkatkan termasuk keperluan penjagaan kesihatan sepanjang hayat.

Pelan Tindakan ini menggariskan objektif dan strategi bagi meningkatkan taraf kesihatan dan kesejahteraan wanita seperti berikut:

## PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA

## SEKTOR: WANITA DAN KESIHATAN

**Objektif**

1. **Membudayakan konsep penjagaan diri, pencegahan penyakit dan perawatan diri di kalangan wanita.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **1.1** Memperting-katkan kesedaran di kalangan wanita dan ahli keluarga termasuk kaum bapa tentang pentingnya kesejahteraan kesihatan, pencegahan | **1.1.1** Meningkatkan usaha pendedahan secara berterusan melalui promosi kesihatan termasuk pendidikan kesihatan secara formal dan tidak formal bermula | **1.1.1.1** Mengkaji dan menganalisis pengisian, pendekatan dan keberkesanan usaha mempromosi kesejahteraan kesihatan (*wellness*) termasuk kesihatan reproduktif wanita. | 2009-2010 | Program-program kesejahteraan kesihatan kepada wanita lebih berkesan. | • KKM<br>• KPM<br>• KPT<br>• KPWKM<br>• LPPKN<br>• JPW<br>• JKM<br>• KPKK<br>• KBS<br>• AADK<br>• ILIM<br>• Badan-badan |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| penyakit dan perawatan diri. | dari peringkat kanak-kanak. | | | | agama<br>• NGO |
| | | **1.1.1.2** Mencadangkan langkah-langkah baru yang lebih efektif termasuk kesedaran penggunaan produk kesihatan dan rawatan/pembedahan kecantikan yang boleh mendatangkan kemudaratan. | 2009-2010 | Kesedaran di kalangan wanita terhadap keselamatan penggunaan produk kesihatan dan rawatan kecantikan meningkat. | |
| | | **1.1.1.3** Meningkatkan pengetahuan wanita tentang bahaya pendedahan kepada bahan kimia terutama ke atas wanita mengandung dan kanak-kanak. | 2009-2010 | Kepekaan wanita tentang bahaya bahan kimia ke atas wanita mengandung dan kanak-kanak meningkat. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.1.1.4** Mempromosikan penjagaan kesihatan sepanjang hayat (*life long health*) termasuk penekanan dari aspek pemakanan berkhasiat dan seimbang serta mengambil kira perspektif agama. | 2009-2010 | Bilangan wanita yang menjalani pemeriksaan kesihatan meningkat sebanyak 5% pada setiap tahun. | |
| | | **1.1.1.5** Meningkatkan pengetahuan wanita tentang perlunya penjagaan kesihatan untuk anak bermula dari peringkat awal termasuk penyusuan bayi dan penjagaan kesihatan untuk keluarga seperti mengamalkan gaya hidup sihat. | 2009-2015 | Amalan gaya hidup sihat di kalangan keluarga meningkat. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.1.1.6** Mengadakan program-program kesedaran untuk wanita mengenai bahaya menghisap rokok, penyalahgunaan dadah dan pengambilan alkohol. | 2009-2015 | Bilangan wanita yang menghisap rokok, menyalahgunakan dadah dan mengambil alkohol berkurangan. | |
| | | **1.1.1.7** Mengadakan analisis dan kajian termasuk pandangan agama terhadap konsep penjagaan diri, pencegahan penyakit dan perawatan diri melalui seminar dan kursus singkat. | 2009-2015 | Amalan pencegahan penyakit meningkat di kalangan masyarakat. | |

## Objektif

**2. Memastikan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang mesra wanita, berkualiti dan mampu bayar bagi wanita di seluruh pelusuk negara.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **2.1** Meningkatkan sistem penyampaian (*delivery system*) perkhidmatan kesihatan yang mudah akses, mampu biaya dan mesra wanita. | **2.1.1** Mengadakan perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti dan mesra wanita dari segi aksesibiliti dan profesionalisme. | **2.1.1.1** Mengkaji dan menganalisis perkhidmatan kesihatan yang sedia ada. | 2009-2010 | Keberkesanan perkhidmatan kesihatan sedia ada dapat ditingkatkan. | • KKM<br>• KKR<br>• MOF<br>• JPA<br>• KPT<br>• KPWKM<br>• LPPKN<br>• KPKT khususnya PBT<br>• PDRM<br>• MAMPU<br>• IPTA<br>• Sektor swasta<br>• NGO |
| | | **2.1.1.2** Membina dan menambah baik prasarana kesihatan termasuk klinik ibu dan kanak-kanak dan hospital wanita. | 2009-2010 | Akses wanita kepada perkhidmatan kesihatan ditingkatkan. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2.1.1.3** Memperkukuhkan perkhidmatan OSCC (Pusat Khidmat Sepadu untuk pengurusan kes keganasan dan penderaan wanita dan kanak-kanak) di hospital kerajaan. | 2009-2010 | Perkhidmatan pengurusan kes penderaan dan keganasan di OSCC meningkat. | |
| | | **2.1.1.4** Menerapkan penghayatan mesra wanita dalam sistem pendidikan dan pengurusan kesihatan. | 2009-2010 | Kepekaan dan kesedaran pegawai dan kakitangan perubatan terhadap wanita meningkat. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2.1.1.5** Melaksanakan kajian kepuasan pelanggan berkaitan perkhidmatan kesihatan yang mesra wanita. | 2009-2010 | Perkhidmatan kesihatan yang mesra wanita diamalkan secara meluas. | |
| | | **2.1.1.6** Mempertingkatkan kualiti dalam pengurusan perawatan ibu mengandung bagi mengurangkan komplikasi. | 2009-2010 | Kadar mortaliti ibu bersalin berkurangan. | |
| | | **2.1.1.7** Mengadakan sistem perkhidmatan seperti *fast lane, flexible clinic time* dan bilik rawatan yang mesra wanita untuk wanita | 2009-2013 | Kemudahan untuk mendapat perkhidmatan kesihatan bagi wanita, OKU dan warga emas | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | yang memerlukan contohnya warga emas, OKU dan wanita mengandung. | | meningkat. | |
| | | **2.1.1.8** Menambah bilangan sumber manusia yang berkemahiran, profesional dan mesra wanita. | 2009-2013 | Perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan mesra wanita meningkat. | |
| | **2.1.2** Memperluaskan perkhidmatan kesihatan mesra wanita dalam sistem perkhidmatan kerajaan dan bukan kerajaan. | **2.1.2.1** Menubuhkan pusat rehabilitasi wanita. | 2009-2013 | Bilangan wanita yang mendapat perkhidmatan rehabilitasi meningkat. | • MOF<br>• KKM<br>• KKR<br>• KPWKM<br>• JKM<br>• JPW<br>• KDN<br>• PDRM<br>• Institut latihan |
| | | **2.1.2.2** Mengadakan sistem perkhidmatan khusus dan | 2009-2013 | Satu sistem sokongan kepada | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | mudah akses kepada golongan khas seperti ibu mengandung tanpa nikah dan mengambil kira isu-isu gender. | | golongan khas seperti ibu mengandung tanpa nikah diwujudkan. | kesihatan sektor kerajaan dan swasta<br>• NGO |

## Objektif

**3. Menjamin perawatan profesional yang mesra wanita, berkualiti dan terkini bagi rawatan definitif, penyakit spesifik dan rehabilitasi.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **3.1** Memastikan perawatan definitif yang holistik. | **3.1.1** Memantap dan memperluaskan perkhidmatan dan perlindungan wanita yang berkualiti dan mesra wanita dalam penyakit spesifik seperti penyakit kelamin dan HIV/AIDS. | **3.1.1.1** Mengkaji kemungkinan mengadakan perundangan bagi melindungi wanita daripada dijangkiti dan menjadi mangsa HIV/AIDS. | 2009-2010 | Perundangan bagi perlindungan terhadap wanita menjadi mangsa HIV/AIDS diwujudkan. | • KKM<br>• AGC<br>• KPWKM<br>• JAKIM<br>• JPN<br>• Institusi keagamaan |
| | | **3.1.1.2** Menggalakkan pasangan menjalani ujian saringan HIV pra-perkahwinan. | 2009-2010 | Ujian saringan HIV secara menyeluruh. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
| --- | --- | --- | --- | --- | --- |
| | | **3.1.1.3**<br>Menambah giat program pendidikan khusus kepada golongan remaja, bakal pengantin, suami isteri dan masyarakat umum tentang penyakit kelamin dan HIV/AIDS. | 2009-2010 | Kes penyakit kelamin dan HIV/AIDS berkurangan. | |

## Objektif

**4. Membudayakan penyelidikan dan pengumpulan data (*Research and Data Banking*).**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh Pelaksanaan | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **4.1** Meningkatkan pelaksanaan pengumpulan data dan penyelidikan kesihatan berasaskan pecahan jantina. | **4.1.1** Mewujudkan satu pusat pangkalan data yang menyimpan maklumat tentang kesihatan wanita dan penyelidikan berkaitan isu-isu kesihatan wanita secara holistik (*National Women Health Database*). | **4.1.1.1** Menyebarkan informasi terkini mengenai kesihatan wanita yang *reliable* dan boleh dibekalkan kepada masyarakat. | 2009-2010 | Pengetahuan masyarakat mengenai penjagaan kesihatan wanita meningkat. | • KKM<br>• DOS<br>• KPKK<br>• KPWKM<br>• ISM<br>• LPPKN<br>• NGO |
| | | **4.1.1.2** Mengemas kini Dasar Kesihatan Negara supaya mengambil kira keperluan dan kepentingan wanita berdasarkan hasil kajian. | 2009-2010 | Dasar Kesihatan Negara yang responsif gender diwujudkan. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh Pelaksanaan | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **4.1.1.3** Mengumpul dan menganalisis data dan maklumat. | 2009-2015 | Pangkalan data mengenai kesihatan wanita yang komprehensif diwujudkan. | |

# WANITA DALAM BIDANG PENDIDIKAN DAN LATIHAN

## VI. WANITA DALAM BIDANG PENDIDIKAN DAN LATIHAN

Peluang pendidikan dan latihan yang saksama antara lelaki dan wanita membolehkan wanita mencapai kemajuan dalam bidang sosial dan ekonomi. Sehingga kini, taraf pendidikan wanita berada pada tahap yang membanggakan. Enrolmen pelajar wanita di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pada tahun 2007 di peringkat diploma ialah 58.2 peratus, peringkat ijazah pertama 61.9 peratus, sarjana 52.9 peratus dan doktor falsafah (PhD) 38.1 peratus.

Bagi memastikan wanita terus berdaya saing, mereka perlu meningkatkan pengetahuan secara berterusan menerusi pendidikan dan latihan sepanjang hayat. Antara kekangan yang dihadapi oleh wanita untuk mendapatkan pendidikan dan latihan sepanjang hayat ialah kekurangan kesedaran wanita mengenai pentingnya pembelajaran sepanjang hayat selain daripada kurangnya sokongan daripada majikan dan ahli keluarga. Selain itu, masalah remaja perempuan yang tidak dapat meneruskan pendidikan akibat terlibat dengan gejala sosial perlu ditangani supaya hak mereka untuk mendapatkan pendidikan tidak dinafikan.

Pelan Tindakan ini menggariskan objektif dan strategi bagi memastikan wanita mendapat pendidikan dan latihan sepanjang hayat seperti berikut:

## PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA

## SEKTOR: WANITA DALAM BIDANG PENDIDIKAN DAN LATIHAN

### Objektif

**1. Menghapuskan buta huruf di kalangan wanita.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **1.1**<br>Memastikan wanita mempunyai pengetahuan asas. | **1.1.1**<br>Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dengan meningkatkan akses kepada kemudahan pendidikan. | **1.1.1.1**<br>Mengenal pasti kumpulan sasar wanita yang buta huruf dan memberikan pembelajaran asas (membaca, mengira dan menulis). | 2009-2010 | Kadar literasi di kalangan wanita ditingkatkan daripada 89.5% pada tahun 2007 kepada 91% pada tahun 2010. | • KPM<br>• KPT<br>• KKLW khususnya KEMAS dan JHEOA<br>• KPKT khususnya PBT<br>• JPW<br>• LPPKN<br>• KPKK<br>• IPT<br>• Media massa |
| | | **1.1.1.2**<br>Meningkatkan bilangan pusat-pusat pendidikan dewasa di kawasan-kawasan yang dikenal pasti. | 2009-2010 | Bilangan wanita dewasa yang mengikuti pendidikan sepanjang hayat meningkat. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.1.1.3** Mengadakan sistem sokongan (berbentuk bukan kewangan) bagi menggalakkan penyertaan wanita dalam pendidikan tidak formal termasuk menggemblengkan sumber tenaga pengajar di kalangan masyarakat setempat dan NGO. | 2009-2010 | Kemudahan akses wanita kepada pendidikan tidak formal dalam komuniti meningkat. | • Sektor swasta<br>• NGO |
| | | **1.1.1.4** Meningkatkan aktiviti kesedaran dan galakan dengan melibatkan media massa dan badan-badan sukarela. | 2009-2010 | Bilangan wanita yang berminat terhadap pembelajaran sepanjang hayat meningkat. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **1.1.1.5** Memupuk dan membudayakan minat membaca dan menulis termasuk kempen ‘*one teach one’* di kalangan ahli keluarga dan masyarakat. | 2009-2010 | Program literasi keluarga berkembang luas terutama di kawasan luar bandar. | |
| | | **1.1.1.6** Melibatkan institusi-institusi pendidikan kerajaan dan swasta, badan korporat, badan sukarela dan NGO untuk membekalkan alat bantuan mengajar. | 2009-2010 | Bilangan pusat pembelajaran dalam komuniti di bawah tajaan bertambah. | |

## Objektif

**2. Meluaskan pendidikan dan latihan kemahiran bagi remaja perempuan yang terlibat dengan masalah sosial.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **2.1** Memastikan remaja perempuan seperti mereka yang mengandung luar nikah, penagih dadah dan kes juvana mendapat peluang pendidikan dan latihan kemahiran sewajarnya. | **2.1.1** Meningkatkan peluang pendidikan dan latihan kemahiran kepada remaja perempuan yang terlibat. | **2.1.1.1** Mengenal pasti kes-kes dan melaksanakan kajian mengenai remaja perempuan yang terlibat dengan masalah sosial. | 2009-2010 | Bilangan remaja perempuan yang terlibat dalam masalah sosial yang tidak meneruskan persekolahan berkurangan. | • KPM<br>• JKM<br>• KKLW<br>• KPKT termasuk PBT<br>• PDRM<br>• Institusi sosial<br>• NGO |
| | | **2.1.1.2** Meningkatkan kemudahan pembelajaran sepanjang hayat seperti pusat sumber dalam komuniti dan pusat info desa. | 2009-2010 | Bilangan remaja perempuan yang *drop-out* mengikuti pendidikan tidak formal meningkat. | |

| **Objektif Khusus** | **Strategi** | **Aktiviti** | **Tempoh** | ***Outcome*** | **Agensi Pelaksana** |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2.1.1.3** Memberi peluang pendidikan termasuk pendidikan agama/ kerohanian dan latihan kemahiran kepada remaja perempuan yang terlibat dengan masalah sosial. | 2009-2013 | Sekurang-kurangnya 50% daripada pelatih institusi pemulihan mendapat pekerjaan pada tahun 2013. | |

**Objektif**

**3. Mempromosi pendidikan dan latihan sepanjang hayat.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **3.1** Meningkatkan peluang pendidikan dan latihan sepanjang hayat kepada semua lapisan umur wanita. | **3.1.1** Memperluaskan akses dan mampu biaya (*affordability*) untuk mengikuti pendidikan dan latihan sepanjang hayat. | **3.1.1.1** Menjalankan penyelidikan bagi mengenal pasti peluang dan kekangan untuk wanita meneruskan pembelajaran sepanjang hayat. | 2009-2010 | Peluang bagi wanita mendapat kemudahan pembelajaran sepanjang hayat bertambah. | • KPM<br>• KPT<br>• KPWKM<br>• JPW<br>• KSM<br>• KKLW khususnya KEMAS dan JHEOA<br>• MOA<br>• MITI<br>• Institusi latihan dan penyelidikan yang berkaitan<br>• Agensi-agensi yang |
| | | **3.1.1.2** Menyediakan peluang pembelajaran sepanjang hayat mengikut keperluan dan minat serta kecenderungan kumpulan sasar. | 2009-2010 | Kemudahan akses wanita kepada program pembelajaran sepanjang hayat mengikut minat meningkat. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **3.1.1.3**<br>Meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan wanita serta di kalangan majikan, ahli keluarga seperti ibu bapa dan suami. | 2009-2010 | Kesedaran di kalangan semua lapisan masyarakat tentang kepentingan pembelajaran sepanjang hayat meningkat. | berkaitan sektor awam dan swasta<br>• Media massa<br>• Badan-badan politik<br>• NGO |
| | | **3.1.1.4**<br>Meningkatkan sistem sokongan seperti pusat jagaan kanak-kanak bagi menggalakkan wanita mengikuti pendidikan sepanjang hayat. | 2009-2010 | Bilangan wanita yang mengikuti pendidikan sepanjang hayat meningkat. | |

# WANITA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI

## VII. WANITA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI

Dalam usaha kerajaan memperkukuh kemampuan dan keupayaan sains dan teknologi (S&T), pelbagai langkah telah dilaksanakan bagi mempergiat penyebaran dan aplikasi teknologi, menggalakkan pengkomersilan penyelidikan dan menambah sumber manusia dalam bidang S&T. Justeru, wanita perlu memanfaatkan S&T supaya mereka lebih berdaya saing dan tidak terpinggir dalam arus perdana pembangunan. S&T hendaklah digunakan sebagai pemacu utama dalam mempertingkatkan keupayaan wanita untuk memperoleh dan menggunakan pengetahuan serta menggalakkan inovasi. Mengikut Laporan Kajian Penyelidikan dan Pembangunan Kebangsaan yang dikeluarkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) wanita yang terlibat sebagai penyelidik meningkat daripada 35.8 peratus pada tahun 2004 kepada 37.7 peratus pada tahun 2006. Bilangan penyelidik wanita ialah seramai 7,162 orang berbanding dengan 11,859 orang lelaki pada tahun 2006.

Dalam usaha merapatkan jurang digital antara gender, akses kepada kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi wanita perlu dipertingkatkan. Penggunaan ICT yang lebih intensif dan meluas hendaklah dimanfaatkan oleh wanita bagi meningkatkan taraf ekonomi dan kualiti hidup seperti penggunaan e-dagang dan e-Pembelajaran.

Pelan Tindakan ini menggariskan objektif dan strategi bagi meningkatkan manfaat S&T kepada wanita seperti berikut:

## PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA

## SEKTOR: WANITA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI (S&T)

### Objektif

1. **Memperkasakan wanita dalam bidang sains dan teknologi.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **5.1.1.4**<br>Menggalakkan kesedaran bagi atlet wanita mengambil perlindungan insurans. | 2009-2010 | Sekurang-kurangnya 50% atlet wanita mempunyai perlindungan insurans. | |

## Objektif

### 6. Meningkatkan penglibatan wanita kurang upaya dalam sukan.

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **6.1** Menggalakkan wanita kurang upaya berkecimpung dalam bidang sukan. | **6.1.1** Memudah cara wanita kurang upaya bersukan. | **6.1.1.1** Mengenal pasti keperluan wanita kurang upaya untuk aktiviti sukan. | 2009-2010 | Peratusan wanita kurang upaya yang terlibat dalam bidang sukan bertambah. | • KBS<br>• KPM<br>• KPT<br>• JKM<br>• Persatuan dan kelab sukan<br>• NGO khususnya Persatuan OKU |
| | | **6.1.1.2** Melaksanakan pelan tindakan pembangunan wanita kurang upaya dalam sukan dengan mengambil kira keperluan khusus mereka. | 2009-2013 | Akses atlet wanita kurang upaya kepada kemudahan sukan meningkat. | |

# WANITA DAN AGAMA, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN

## XI. WANITA DAN AGAMA, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN

Pembangunan budaya dan seni serta pemuliharaan warisan adalah salah satu elemen utama bagi memperkukuhkan jati diri dan identiti nasional. Ia juga boleh menjadi simbol kemegahan sesebuah negara dan merupakan fakta penting bagi menyatukan rakyat. Memandangkan wanita memegang tanggungjawab penting sebagai ibu, pengasuh dan guru pertama kepada anak-anak, mereka boleh dianggapkan sebagai penyambung seni, budaya dan warisan.

Bidang seni boleh dimanfaatkan oleh wanita bagi menjana pendapatan dan meningkatkan taraf hidup melalui pergkomersilan hasil kraftangan dan seni pentas. Oleh itu pengkomersilan produk dan perkhidmatan kebudayaan, kesenian dan warisan perlu diberi tumpuan kerana ia dapat memberikan faedah ekonomi kepada wanita.

Pelan Tindakan ini menggariskan objektif dan strategi bagi meningkatkan peranan wanita sebagai penyambung seni, budaya dan warisan serta memperluaskan ruang ekonomi melalui pengkomersilan produk dan perkhidmatan kebudayaan, kesenian dan warisan seperti berikut:-

## PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA

## SEKTOR : WANITA DAN AGAMA, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN

**Objektif**

**1. Menghapuskan amalan yang memudaratkan dan memberi kesan negatif kepada wanita.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **1.1** Menghapuskan stereotaip dan persepsi negatif terhadap wanita. | **1.1.1** Meningkatkan kesedaran tentang kesan stereotaip dan persepsi negatif terhadap peranan dan potensi wanita dalam pembangunan negara. | **1.1.1.1** Mewujudkan aktiviti bagi melahirkan masyarakat yang peka gender bermula dari peringkat usia muda dalam keluarga, sekolah dan komuniti seperti kem motivasi, latihan kesedaran dan seminar. | 2009-2015 | Kesedaran tentang kesan stereotaip dan persepsi negatif terhadap wanita yang menjejaskan peranan dan potensi dalam pembangunan negara meningkat sebanyak 5%. | • KPM<br>• KPT<br>• JPW<br>• KEMAS<br>• KBS<br>• KPKK<br>• AGC<br>• JKSM<br>• JAKIM<br>• ILKAP<br>• ILIM<br>• IKIM<br>• Agensi Kerajaan<br>• NGO |
| | | **1.1.1.2** Mengadakan sesi kesedaran gender kepada golongan | 2009-2015 | Stereotaip dan persepsi negatif terhadap wanita | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | pembuat keputusan, penggubal dasar, pengamal perundangan, penguat kuasa dan pendidik serta pemimpin masyarakat termasuk pemimpin politik dan agama. | | berkurangan. | |
| | **1.1.2**<br>Meningkatkan kesedaran mengenai kesan negatif ke atas wanita akibat amalan-amalan yang memudaratkan (*harmful practices*). | **1.1.2.1**<br>Mengenal pasti amalan yang memudaratkan dan memberi kesan negatif kepada wanita. | 2009-2010 | Wujud kesedaran di kalangan pemimpin masyarakat untuk menghapuskan amalan yang memudaratkan wanita. | • KPKK<br>• JPW<br>• Agensi Kerajaan<br>• NGO |
| | | **1.1.2.2**<br>Menambah giat dan mempelbagaikan program kesedaran mengenai kesan negatif kepada wanita akibat amalan-amalan yang memudaratkan (*harmful* | 2009-2010 | Kes-kes yang berkaitan dengan amalan yang memudaratkan wanita diketengahkan dan ditangani. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | *practices*). | | | |
| | **1.1.3** Membudayakan hak-hak wanita sebagai sebahagian daripada hak-hak asasi manusia terutama hak kepada pembangunan (*rights to development*). | **1.1.3.1** Mewujudkan aktiviti yang dapat menerapkan nilai-nilai hormat kepada hak-hak wanita bermula dari peringkat usia muda dalam keluarga, sekolah dan komuniti. | 2009-2010 | Kes-kes pencabulan hak asasi wanita berkurangan. | • KPKK<br>• KPM<br>• JPW<br>• Agensi Kerajaan<br>• NGO |
| | | **1.1.3.2** Mengadakan sesi kesedaran mengenai pentingnya hak-hak wanita kepada pembangunan diambil kira dalam penggubalan dasar, perundangan serta perancangan dan pelaksanaan program pembangunan. | 2009-2010 | Analisis gender dilaksanakan dalam penggubalan dasar dan perundangan dan dalam perancangan program dan projek. | |

## Objektif

**2. Meningkatkan kesedaran, kefahaman, penghayatan serta amalan agama dan budaya dalam kalangan wanita.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **2.1** Meningkatkan kefahaman seni budaya dan warisan di kalangan wanita. | **2.1.1** Menerapkan kesedaran nilai-nilai murni menerusi program pendidikan dan latihan secara berterusan. | **2.1.1.1** Mengadakan kempen kesedaran dan kefahaman budaya dan nilai-nilai murni terutamanya dari segi adab sopan dan adat istiadat. | 2009-2010 | Bilangan wanita yang mempunyai kefahaman tentang budaya dan adat istiadat bertambah. | • KPM<br>• KPT<br>• JPW<br>• KKLW khususnya KEMAS<br>• KBS<br>• KPKK<br>• PUSPANITA<br>• Sektor swasta<br>• NGO |
| | | **2.1.1.2** Memperbanyakkan aktiviti bimbingan budaya dan kegiatan seni di seluruh negara. | 2009-2010 | Bilangan program-program penghayatan seni dalam komuniti bertambah. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2.1.1.3** Memantapkan kokurikulum seni budaya dan warisan dari peringkat rendah ke IPT. | 2009-2015 | Pemahaman seni budaya dalam kalangan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi meningkat. | |
| | | **2.1.1.4** Menggalakkan wanita menceburkan diri dalam persatuan-persatuan kebudayaan, kesenian dan warisan yang berkaitan. | 2009-2010 | Wanita menjadi *role model* dalam kalangan keluarga dan masyarakat. | |
| | | **2.1.1.5** Mempromosi dan meningkatkan aktiviti-aktiviti dan maklumat mengenai seni budaya dan warisan melalui laman web dan Radio Wanita. | 2009-2010 | Peningkatkan kemudahan akses wanita kepada seni budaya dan warisan. | |

## Objektif

### 3. Menjadikan wanita sebagai penyambung seni budaya dan warisan.

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **3.1**<br>Meningkatkan bilangan wanita yang mengamalkan kebudayaan, kesenian dan warisan. | **3.1.1**<br>Memberi kesedaran kepada wanita tentang perlunya mendidik anak-anak mengenai kebudayaan, kesenian dan warisan. | **3.1.1.1**<br>Mewujudkan aktiviti mentor-mentee. | 2009-2010 | Bilangan generasi muda yang berpengetahuan dan minat terhadap seni budaya dan warisan negara. | • KPKK<br>• JPNIN<br>• LPPKN<br>• JPW<br>• NGO |
| | | **3.1.1.2**<br>Memberi pengetahuan dan menggalakkan amalan wanita mengenai kebudayaan, kesenian dan warisan dalam kehidupan seharian. | 2009-2010 | Adab sopan dan adat istiadat diamalkan dalam kehidupan seharian dalam keluarga dan masyarakat. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **3.1.1.3** Menggalakkan wanita mendidik anak-anak untuk memahami dan menghormati kebudayaan, kesenian dan warisan berbilang kaum. | 2009-2013 | Kes-kes polarisasi kaum terutama di peringkat sekolah berkurangan. | |

## Objektif

**4. Meningkatkan penyertaan wanita dalam peringkat pembuat keputusan berkaitan dengan kebudayaan, kesenian dan warisan.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **4.1**<br>Meningkatan penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam bidang kebudayaan, kesenian dan warisan. | **4.1.1**<br>Penglibatan wanita dalam membuat keputusan terutamanya bagi menangkis budaya luar yang bertentangan. | **4.1.1.1**<br>Menambah keahlian wanita dalam jawatankuasa seperti Lembaga Penapisan Filem, Jawatankuasa Pemantauan Kandungan Rancangan TV, Persatuan penduduk kawasan perumahan, penggubal kurikulum dan ko-kurikulum sekolah. | 2009-2015 | Penyertaan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam dalam organisasi kebudayaan, kesenian dan warisan meningkat. | • KPKK<br>• KDN<br>• KPKT<br>• KPM<br>• JPW<br>• JPNIN |
| | **4.1.2**<br>Menentukan pengamalan nilai-nilai murni berterusan di semua peringkat. | **4.1.2.1**<br>Menyedia dan menayang iklan dan klip video mengenai nilai-nilai murni secara kerap dan berterusan. | 2009-2010 | Kesedaran terhadap pengamalan nilai-nilai murni dalam masyarakat meningkat. | • KPKK<br>• KPKT<br>• KPM<br>• JPW<br>• JPM |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | khususnya MAMPU dan JAKIM<br>• JPNIN |
| | | **4.1.2.2**<br>Mengembalikan semula semangat kesedaran sivik dalam masyarakat. | 2009-2010 | Bilangan sukarelawan dalam komuniti bertambah. | |
| | | **4.1.2.3**<br>Menambah baik garis panduan nilai-nilai murni sedia ada. | 2009-2015 | Penghayatan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat di semua peringkat meningkat. | |

## Objektif

**5. Menjana ruang dan peluang ekonomi bagi wanita mengeluarkan produk dan perkhidmatan kebudayaan, kesenian dan warisan.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **5.1** Meningkatkan jualan produk dan perkhidmatan bagi menjana pendapatan wanita dalam bidang kebudayaan, kesenian dan warisan. | **5.1.1** Memberi kesedaran, kefahaman dan galakan bagi mengkomersilkan produk dan perkhidmatan kebudayaan, kesenian dan warisan. | **5.1.1.1** Memperbanyakkan kursus teknik pemasaran produk dan perkhidmatan kebudayaan, kesenian dan warisan untuk wanita. | 2009-2010 | Bilangan wanita yang mengembangkan pemasaran produk berasaskan kebudayaan meningkat. | • KPKK<br>• MITI<br>• KKLW<br>• KPKT<br>• MOTOUR<br>• KLN<br>• MITI<br>• MATRADE |
| | | **5.1.1.2** Menambahgiatkan projek Satu Daerah Satu Industri khususnya keluaran wanita. | 2009-2010 | Bilangan wanita yang menceburi industri berasaskan kebudayaan meningkat. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **5.1.1.3** Menempat dan mempamerkan produk dan perkhidmatan kebudayaan, kesenian dan warisan di hotel dan restoran sebagai hiasan dan untuk penggunaan harian bagi menarik minat para pengunjung. | 2009-2010 | Garis panduan penggunaan produk dan perkhidmatan berasaskan kebudayaan, kesenian dan warisan di hotel-hotel dan restoran diwujudkan. | |
| | | **5.1.1.4** Mempromosi busana tradisional yang dikeluarkan oleh wanita untuk dipakai oleh kakitangan perhotelan. | 2009-2010 | Busana tradisional dijadikan pakaian seragam kakitangan perhotelan. | |
| | | **5.1.1.5** Menggunakan hasil seni dan budaya keluaran wanita sebagai hiasan di pejabat-pejabat Kerajaan dan swasta di dalam dan luar negara. | 2009-2010 | Garis panduan mengenai penggunaan hasil seni keluaran wanita di pejabat Kerajaan dan | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | swasta di dalam dan luar negara diwujudkan. | |
| | | **5.1.1.6** Meningkatkan pengetahuan tentang barang-barang antik yang berkait rapat dengan kebudayaan, kesenian dan warisan yang boleh dimanfaatkan untuk menjana ekonomi wanita. | 2009-2010 | Bilangan wanita menceburi perniagaan barang-barang antik berkait rapat dengan kebudayaan, kesenian dan warisan bertambah. | |
| | | **5.1.1.7** Memastikan agensi yang berkenaan mempromosi dan menguruskan penjualan produk dan perkhidmatan kebudayaan, kesenian dan warisan. | 2009-2015 | Masalah pemasaran dan penjualan produk yang dihasilkan oleh wanita dapat diatasi. | |

## Objektif

**6. Meningkatkan penglibatan wanita dalam seni, budaya dan warisan termasuk bidang penyelidikan dan pembangunan.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **6.1** Meningkatkan dalam bilangan wanita yang komited dalam bidang seni, budaya dan warisan. | **6.1.1** Meningkatkan lebih ramai wanita menceburi bidang seni, budaya dan warisan. | **6.1.1.1** Memberi anugerah pengiktirafan kepada penulis dan penyelidik wanita berkaitan seni, budaya dan warisan. | 2009-2010 | Lebih banyak penulisan dan penyelidikan berkaitan seni, budaya dan warisan dihasilkan oleh wanita. | • KPKK<br>• KPT<br>• KPM<br>• DBP<br>• Institut penyelidikan<br>• IPT |
| | | **6.1.1.2** Menjalankan penyelidikan dan menerbitkan penulisan wanita dalam bidang seni, budaya dan warisan. | 2009-2015 | Sekurang-kurangnya 30% wanita terlibat dalam bidang penyelidikan dan pembangunan seni, budaya dan warisan. | |

# WANITA DI PERINGKAT PEMBUAT KEPUTUSAN DAN POLITIK

## XII. WANITA DI PERINGKAT PEMBUAT KEPUTUSAN DAN POLITIK

Semenjak Dasar Sekurang-kurangnya 30 Peratus Wanita di Peringkat Pembuat Keputusan Sektor Awam diumumkan oleh Y.A.B Perdana Menteri pada 24 Ogos 2004, pelbagai usaha telah dijalankan untuk memastikan penglibatan wanita yang aktif dalam proses membuat keputusan. Pelaksanaan dasar ini telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan di mana beberapa jawatan tinggi dan penting yang sebelum ini tidak pernah disandang oleh wanita telah berjaya disandang oleh wanita seperti Naib Canselor Universiti Awam, hakim, pegawai daerah dan pegawai tinggi polis serta tentera. Berikutan keputusan ini, jawatan utama sektor awam (JUSA) yang disandang oleh wanita meningkat daripada 18.8 peratus pada tahun 2004 kepada 25.8 peratus pada tahun 2007; duta besar daripada 10.0 peratus pada tahun 2006 kepada 15.6 peratus pada tahun 2007; dan pesuruhjaya tinggi daripada 4.3 peratus pada tahun 2006 kepada 40.0 peratus pada tahun 2007.

Di samping sektor awam, penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat juga mula menampakkan kemajuan di mana bilangan wanita yang memegang jawatan penting seperti Presiden, Naib Presiden, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurus Besar Kanan meningkat daripada 13.5 peratus pada tahun 2004 kepada 24.0 peratus pada tahun 2007. Dalam tempoh yang sama,

penglibatan wanita sebagai Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan turut meningkat iaitu daripada 10.4 peratus kepada 12.4 peratus.

Selain itu, perkembangan positif juga dapat dilihat dalam Pilihanraya Umum Ke-12 pada tahun 2008 di mana bilangan Ahli Parlimen wanita telah meningkat kepada 10.4 peratus berbanding 9.6 peratus pada Pilihanraya Umum Ke 11 tahun 2004. Bilangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) wanita juga telah meningkat daripada 6.9 peratus kepada 8.0 peratus.

Walaupun terdapat peningkatan penyertaan wanita dalam peringkat membuat keputusan, sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus masih belum tercapai. Di samping itu, terdapat halangan yang menyekat penyertaan wanita dalam peringkat membuat keputusan.

Pelan Tindakan ini menggariskan objektif dan strategi bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam peringkat membuat keputusan termasuk bidang politik seperti berikut:

# PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN WANITA

## SEKTOR: WANITA DI PERINGKAT PEMBUAT KEPUTUSAN DAN POLITIK

### OBJEKTIF

1. **Mencapai sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan di semua peringkat dalam semua sektor.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **A) PEMBUAT KEPUTUSAN** | | | | | |
| **1.1** Mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat membuat keputusan dalam sektor awam dan sektor swasta, | **1.1.1** Mengadakan pelan tindakan khusus untuk pelaksanaan dasar. | **1.1.1.1** Mengadakan latihan bina upaya bagi melahirkan wanita yang berkebolehan, berkemahiran dan berdaya saing. | 2009-2010 | Bilangan wanita yang berpotensi memegang jawatan di peringkat pembuat keputusan dalam pelbagai sektor meningkat. | • JPA<br>• SPA<br>• JPW<br>• KPKT khususnya PBT<br>• KPT<br>• KSM khususnya Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| kesatuan sekerja, persatuan majikan, institusi pendidikan dan akademik, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO). | | **1.1.1.2** Meminda dasar dan perundangan yang menghalang pencapaian sekurang-kurangnya 30% wanita di peringkat pembuat keputusan seperti Akta Kerajaan Tempatan 1946 supaya mencapai 30% ahli Majlis PBT wanita. | 2009-2015 | Bilangan wanita yang menjawat jawatan di peringkat pembuat keputusan dalam pelbagai sektor meningkat kepada 30%. | • KPKK<br>• AGC<br>• Badan-badan Berkanun<br>• IPT<br>• Sektor swasta<br>• Kesatuan sekerja<br>• Media massa<br>• NGO |
| | **1.2.1** Meningkatkan kapasiti wanita dalam mengutarakan perspektif gender secara berkesan dalam | **1.2.1.1** Menyediakan latihan bagi memperkasakan wanita seperti dalam bidang kepimpinan, motivasi, keyakinan | 2009-2010 | Perspektif gender diintegrasikan dalam dasar dan perundangan baru yang digubal. | • JPW<br>• KPKK<br>• Sektor swasta<br>• Kesatuan sekerja<br>• NGO |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | penggubalan dasar, perundangan dan program. | diri, pengurusan, proses membuat keputusan dan pengucapan awam. | | | |
| | | **1.2.1.2** Menyediakan ruang/platform (wacana) untuk mengutarakan isu-isu gender. | 2009-2010 | Kumpulan yang berkepentingan dalam isu gender dijemput menyertai proses penggubalan dasar dan perundangan di peringkat Kementerian dan jabatan berkaitan. | |
| | | **1.2.1.3** Memperkukuhkan kesedaran gender melalui kempen, latihan dan media massa supaya memberi peluang | 2009-2010 | Kesedaran terhadap isu gender dalam masyarakat di pelbagai peringkat meningkat. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | kesamarataan kepada wanita. | | | |
| | | **1.2.1.4** Menambah baik ratio pengambilan/ pelantikan di peringkat *entry point* dalam sektor awam dan menggalakkan sektor swasta mencontohi dasar pengambilan di sektor awam. | 2009-2010 | Garis panduan pengambilan dan pelantikan pegawai wanita dalam sektor awam diwujudkan seperti dasar pengambilan pekerja OKU. | |
| | | **1.2.1.5** Melobi dan meraih sokongan untuk perwakilan wanita dalam semua sektor berkenaan. | 2009-2015 | Bilangan wanita yang menjawat jawatan di peringkat pembuat keputusan dalam pelbagai sektor meningkat kepada 30%. | |

## OBJEKTIF

**2. Meningkatkan jumlah wanita sebagai pembuat keputusan kepada sekurang-kurangnya 30 peratus di semua peringkat dalam bidang politik.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **B) POLITIK** | | | | | |
| **2.1** Mencapai sekurang-kurangnya 30% wanita di Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat dan Dewan Negara. | **2.1.1** Memudah cara penglibatan wanita dalam politik. | **2.1.1.1** Mengadakan latihan membina upaya wanita dalam bidang politik dan kepimpinan khususnya golongan muda. | 2009-2010 | Bilangan wanita yang terlatih dalam bidang politik dan kepimpinan meningkat. | • Parti-parti politik<br>• SPR<br>• AGC<br>• JPW |
| | | **2.1.1.2** Mengadakan latihan kepekaan gender kepada ahli politik/ individu yang cenderung kepada politik. | 2009-2010 | Kepekaan ahli politik terutama golongan lelaki terhadap isu gender meningkat. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2.1.1.3** Mengkaji kemungkinan bagi menetapkan kuota sekurang-kurangnya 30% wanita sebagai calon pilihan raya bagi setiap parti di peringkat Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri. | 2009-2013 | Kuota sekurang-kurangnya 30% wanita sebagai calon pilihan raya diwujudkan oleh setiap parti politik. | |
| **2.2** Melahirkan pemimpin wanita yang berkaliber. | **2.2.1** Memberi peluang saksama dengan menempatkan bakal pemimpin wanita di setiap peringkat kepimpinan | **2.2.1.1** Memberi kesedaran gender dan isu-isu yang berkaitan dengan wanita kepada pemimpin di setiap peringkat dalam sektor politik. | 2009-2010 | Sekurang-kurangnya 20% wanita memegang jawatan dalam parti politik di setiap peringkat. | • Parti-parti politik<br>• JPW<br>• KPKK<br>• Media massa<br>• NGO |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | organisasi politik. | **2.2.1.2** Meningkatkan peranan media dalam melaksanakan kempen kesedaran dan penyebaran maklumat yang menekankan kepimpinan wanita. | 2009-2010 | Sokongan dan kepercayaan masyarakat terutamanya ahli-ahli parti terhadap pemimpin wanita meningkat. | |
| | | **2.2.1.3** Mengenal pasti dan mengiktiraf serta menyediakan senarai bakal pemimpin wanita yang berpotensi dan berkaliber di semua peringkat kepimpinan organisasi politik. | 2009-2013 | Wanita yang berpotensi memegang jawatan di pelbagai peringkat parti politik tersedia. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti Umum | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2.2.1.4** Memberi penugasan substantif kepada sekurang-kurangnya 30% pemimpin wanita berdasarkan kebolehan dan kompetensi. | 2009-2013 | Sekurang-kurangnya 10% daripada jawatankuasa bagi perkara-perkara substantif diketuai oleh wanita. | |
| **2.3** Mengatasi rintangan yang menyekat atau menghalang wanita dari menceburi bidang politik dan kepimpinan. | **2.3.1** Mengadakan kaedah-kaedah atau pelan tindakan khusus (*enabling plan*) bagi membolehkan wanita mengatasi halangan. | **2.3.1.1** Mengenal pasti halangan untuk menceburi bidang politik dan kepimpinan. | 2009-2010 | Bilangan wanita yang dilatih meningkat. | • Parti-parti politik<br>• JPW<br>• NGO |
| | | **2.3.1.2** Memberi latihan dan kempen kesedaran di kalangan semua | 2009-2013 | Langkah-langkah menggalakkan wanita menceburi | |

| **Objektif Khusus** | **Strategi** | **Aktiviti Umum** | **Tempoh** | ***Outcome*** | **Agensi Pelaksana** |
|---|---|---|---|---|---|
| | | ahli politik wanita bagi membolehkan mereka mengatasi halangan yang dikenal pasti. | | bidang politik dan kepimpinan digubal. | |
| | | **2.3.1.3** Menggalakkan parti politik mengadakan pelan tindakan bagi meningkatkan bilangan wanita dalam barisan kepimpinan. | 2009-2013 | Setiap parti politik mempunyai pelan tindakan bagi meningkatkan bilangan wanita dalam barisan kepimpinan. | |

# MEKANISME, JENTERA DAN INSTITUSI PEMBANGUNAN WANITA

## XIII. MEKANISME, JENTERA DAN INSTITUSI PEMBANGUNAN WANITA

Dalam usaha mengarusperdanakan perspektif wanita dalam pembangunan negara, beberapa jentera nasional bagi pembangunan wanita telah diwujudkan seperti Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, pejabat pembangunan wanita di peringkat negeri, Majlis Penasihat Wanita Negara (MPWN) dan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK) di peringkat akar umbi. *Gender Focal Point* juga telah dilantik di setiap kementerian dan agensi Kerajaan untuk meningkatkan penglibatan, kerjasama dan sokongan daripada semua kementerian dan agensi Kerajaan yang berkaitan dalam usaha mengarusperdanakan gender.

Walaupun terdapat pelbagai jentera, mekanisme dan institusi diwujudkan untuk membangun dan memajukan wanita, terdapat masalah dari segi penyelarasan pemantauan dan pelaksanaan dasar dan program berkaitan wanita memandangkan isu ini melibatkan pelbagai sektor dan agensi Kerajaan termasuk sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Justeru, jentera, mekanisme dan institusi yang sedia ada termasuk NGO perlu diperkukuhkan. Selain itu, program-program kepekaan gender hendaklah dipergiatkan bagi meningkatkan kefahaman penggubal dasar, pembuat keputusan dan pegawai-pegawai tinggi dalam sektor awam dan swasta serta pemimpin-pemimpin masyarakat dan individu di setiap lapisan masyarakat mengenai isu kesaksamaan gender.

Bagi memastikan penggubalan dasar serta perancangan dan pelaksanaan program menepati keperluan wanita, penyelidikan dan pengumpulan maklumat berasaskan gender hendaklah dipertingkatkan. Maklumat yang dapat menggambarkan jurang gender dan diskriminasi terhadap wanita adalah penting dalam menangani isu-isu berkaitan wanita.

Pelan Tindakan ini menggariskan objektif dan strategi bagi memperkukuhkan jentera, mekanisme dan institusi pembangunan wanita seperti berikut:

## SEKTOR: MEKANISME, JENTERA DAN INSTITUSI PEMBANGUNAN WANITA

### Objektif

**1. Meningkatkan dan mengukuhkan peranan *Gender Focal Point* (GFP).**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **1.1** Menghasilkan sistem GFP yang berkesan dan membantu proses pembangunan wanita. | **1.1.1** Mewujudkan Satu Jawatankuasa tetap GFP di setiap Kementerian yang dipengerusikan oleh pegawai pengurusan atasan. | **1.1.1.1** Mengadakan mesyuarat untuk menyusun aktiviti mengenai gender di kementerian masing-masing dan mengemukakan laporan tahunan kepada KPWKM. | 2009-2010 | Isu-Isu berkaitan dengan wanita dapat ditangani secara berkesan. | • KPWKM<br>• Semua agensi berkenaan |
| | | **1.1.1.2** Memperluas GFP ke peringkat negeri/ daerah. | 2009-2013 | Isu gender dapat diarusperdanakan ke semua peringkat pentadbiran. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | **1.1.2**<br>Meningkatkan keprihatinan dan pengetahuan GFP tentang peranan mereka dalam proses pembangunan negara dan isu-isu tentang kesaksamaan gender. | **1.1.2.1**<br>Menyediakan modul latihan khusus bagi pegawai-pegawai dan ahli jawatankuasa GFP. | 2009-2010 | Keprihatinan dan pengetahuan GFP tentang peranan mereka dalam proses pembangunan negara dan isu-isu tentang kesaksamaan gender meningkat. | • KPWKM<br>• Semua agensi berkenaan |
| | | **1.1.2.2**<br>Melatih pegawai dan ahli jawatankuasa GFP bagi meningkatkan kemahiran dalam bidang gender. | 2009-2010 | Peranan GFP lebih berkesan. | |

## Objektif

**2. Mengukuhkan peranan Majlis Penasihat Wanita Negara (MPWN) dan Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga (MPWK).**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **2.1** Mengoptimumkan peranan MPWN. | **2.1.1** Memperkasakan MPWN dalam membantu pelaksanaan dasar dan program pembangunan wanita. | **2.1.1.1** Mewujudkan sekretariat khusus untuk MPWN. | 2009-2013 | Peranan MPWN dapat dimantapkan dalam pelaksanaan dasar dan program pembangunan wanita. | • KPWKM<br>• JPW<br>• MOF<br>• MPWN |
| | | **2.1.1.2** Mengadakan aktiviti mentor-mentee antara ahli MPWN dan GFP mengikut sektor/bidang. | 2009-2013 | Perspektif gender dapat diarusperdanakan dalam semua sektor. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2.1.1.3**<br>Merancang aktiviti-aktiviti MPWN berserta dengan bajet mengikut jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang. | 2009-2013 | Peranan MPWN sebagai badan penasihat lebih berkesan. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **2.2** Mengoptimumkan peranan MPWK. | **2.2.1** Memperkasakan MPWK dalam membantu pelaksanaan dasar dan program pembangunan wanita. | **2.2.1.1** Merancang aktiviti tahunan berserta bajet. | 2009-2013 | Peranan MPWK menangani isu gender di peringkat akar umbi lebih berkesan. | • KPWKM<br>• JPW<br>• MOF<br>• MPWK |
| | | **2.2.1.2** Memantapkan urus setia MPWK. | 2009-2013 | Aktiviti tahunan MPWK dilaksanakan secara teratur dan memanfaatkan golongan wanita. | |
| | | **2.2.1.3** Memperkukuhkan mekanisme pemantauan penilaian aktiviti-aktiviti yang dijalankan melalui MPWK. | 2009-2013 | Pengetahuan dan kemahiran wanita di peringkat akar umbi dalam isu- | |

| **Objektif Khusus** | **Strategi** | **Aktiviti** | **Tempoh** | ***Outcome*** | **Agensi Pelaksana** |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | isu gender meningkat. | |

## Objektif

**3. Memastikan pelaksanaan berkesan Dasar Wanita Negara (DWN) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW)**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **3.1**<br>Mencapai matlamat di bawah Dasar Wanita Negara (DWN) dan Pelan Tindakan Pembangunan Wanita (PTPW). | **3.1.1**<br>Memantapkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai penyelaras utama pelaksanaan dan pemantauan DWN dan PTPW. | **3.1.1.1**<br>Meningkatkan kapasiti pegawai-pegawai KPWKM dalam bidang berkaitan isu-isu gender. | 2009-2010 | Kemahiran dan pengetahuan pegawai-pegawai KPWKM dalam bidang berkaitan isu-isu gender meningkat. | • KPWKM<br>• MOF<br>• JPA<br>• KPWKM<br>• Semua kementerian dan agensi Kerajaan yang terlibat<br>• GFP |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | **3.1.2** Memperkukuhkan mekanisme pemantauan pelaksanaan program-program Pelan Tindakan Pembangunan Wanita. | **3.1.2.1** Merancang permohonan sumber dana untuk menggerakkan pelaksanaan DWN dan PTPW khususnya bagi NGO dan komuniti. | 2009-2010 | Penglibatan NGO dan komuniti dalam pelaksanaan PTPW lebih berkesan. | |
| | | **3.1.2.2** Menubuhkan satu jawatankuasa bagi menggerakkan dan memantau pelaksanaan DWN dan PTPW di semua peringkat. | 2009-2010 | Sistem pemantauan pelaksanaan DWN dan PTPW di semua peringkat lebih berkesan. | |
| | | **3.1.2.3** Mengadakan mesyuarat dengan GFP sebanyak dua kali setahun untuk mendapatkan maklum balas mengenai | 2009-2015 | Sekurang-kurangnya 80% matlamat DWN dan PTPW dicapai | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | pelaksanaan DWN dan PTPW. | | pada tahun 2015. | |

## Objektif

**4. Memastikan keperluan gender diambil kira dalam pengagihan sumber kerajaan secara saksama.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **4.1**<br>Mengambil kira keperluan gender bagi mengoptimumkan pengagihan sumber Kerajaan. | **4.1.1**<br>Menghasilkan bajet yang responsif gender. | **4.1.1.1**<br>Memberi pendidikan dan kesedaran mengenai kepentingan bajet gender terutama kepada penggubal dasar dan pegawai bajet. | 2009-2010 | Analisis bajet gender dilaksanakan di kementerian lain selain kementerian perintis. | • MOF<br>• KPWKM<br>• Agensi Kerajaan |
| | | **4.1.1.2**<br>Memperuntukkan sumber Kerajaan yang mencukupi bagi membangunkan wanita. | 2009-2015 | Program-program pembangunan wanita dilaksanakan dengan berkesan melalui bajet yang responsif gender. | |

**Objektif**

**5. Mempertingkatkan peranan NGO.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **5.1** Memperkukuh kedudukan NGO supaya memberi sumbangan yang berkesan kepada pembangunan wanita. | **5.1.1** Meningkatkan perkongsian bijak. | **5.1.1.1** Mengadakan perjumpaan antara KPWKM dan NGO bagi meningkatkan penghayatan dan pelaksanaan Dasar Wanita Negara. | 2009-2010 | Penglibatan NGO dalam pelaksanaan Dasar Wanita Negara meningkat. | • KPWKM<br>• JPW<br>• Parti politik<br>• JKKK<br>• Sektor swasta<br>• NGO |
| | | **5.1.1.2** Meningkatkan pengagihan peruntukan kepada NGO bagi melaksanakan projek-projek pembangunan wanita di bawah Rancangan Malaysia. | 2009-2010 | Pelaksanaan projek-projek pembangunan wanita di bawah Rancangan Malaysia dilaksanakan dengan lebih | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | berkesan. | |
| | | **5.1.1.3** Menggalakkan penglibatan kaum lelaki dalam aktiviti-aktiviti pembangunan wanita dan aktiviti masyarakat. | 2009-2010 | Kepekaan kaum lelaki terhadap isu pembangunan wanita masyarakat meningkat. | |
| | | **5.1.1.4** Meningkatkan kerjasama antara NGO dan sektor swasta. | 2009-2010 | Lebih banyak program dilaksanakan oleh NGO dengan kerjasama sektor swasta. | |

## Objektif

**6. Meningkatkan program kesedaran gender peringkat kepimpinan.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **6.1**<br>Meningkatkan kefahaman mengenai kepekaan gender di kalangan penggubal dasar, ketua kementerian/ perkhidmatan/ jabatan/agensi kerajaan dan pihak swasta serta pemimpin-pemimpin masyarakat. | **6.1.1**<br>Menyediakan program peningkatan kepekaan gender meliputi tenaga kerja dari pelbagai peringkat. | **6.1.1.1**<br>Mengadakan konvensyen, seminar, kursus, bengkel dan latihan mengenai kesedaran gender di kementerian/ jabatan/agensi kerajaan, pihak swasta serta pemimpin masyarakat. | 2009-2010 | Perspektif gender dapat diintegrasikan dalam penggubalan dasar Kerajaan. | • KPWKM<br>• JPW<br>• JPA<br>• INTAN<br>• Parlimen<br>• Parti politik<br>• Institusi pendidikan/ latihan sektor awam dan swasta<br>• NGO |
| | | **6.1.1.2**<br>Menyediakan modul latihan yang bersesuaian dengan kumpulan sasar dan keadaan semasa. | 2009-2010 | Kesedaran gender di kalangan pemimpin pelbagai peringkat meningkat. | |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **6.1.1.3** Mengadakan sistem pemantauan berkala terhadap latihan untuk penambahbaikan pemahaman peserta terhadap kepekaan gender. | 2009-2010 | Pemahaman peserta terhadap kepekaan gender meningkat. | |

**Objektif**

**7. Meningkatkan program kepekaan gender kepada masyarakat umum.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **7.1** Menimbulkan kesedaran terhadap konsep kesaksamaan gender di kalangan masyarakat umum. | **7.1.1** Mengetengahkan isu kepekaan gender melalui pelbagai perantaraan bagi meningkatkan kefahaman mengenai konsep kesaksamaan gender di kalangan semua lapisan masyarakat. | **7.1.1.1** Menganjurkan kempen, ceramah, seminar atau bengkel kepada masyarakat umum termasuk kakitangan awam, melalui pemimpin-pemimpin masyarakat, tokoh-tokoh dan ikon yang bersesuaian. | 2009-2010 | Pemahaman terhadap konsep gender di kalangan masyarakat meningkat. | • KPWKM<br>• JPW<br>• KPKK<br>• JAKIM<br>• FINAS<br>• KPM<br>• KPT<br>• Stesen-stesen radio dan televisyen Kerajaan dan swasta<br>• Ahli Parlimen<br>• ADUN<br>• Parti-parti |
| | | **7.1.1.2** Membincangkan isu gender dalam khutbah Jumaat dan di tempat-tempat ibadat agama lain di seluruh negara. | 2009-2010 | Perspektif gender diintegrasikan dalam ceramah agama. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **7.1.1.3**<br>Menyebarkan mesej dan mengurangkan stereotaip terhadap wanita menerusi filem, teater, drama, media massa dan media cetak. | 2009-2010 | Stereotaip gender di kalangan masyarakat berkurangan. | politik<br>• JKKK<br>• Majlis Agama Islam Negeri<br>• Majlis serta rumah-rumah ibadat agama lain<br>• Penulis skrip<br>• Penerbit filem dan drama<br>• Penggiat seni<br>• Sektor swasta<br>• NGO |
| | | **7.1.1.4**<br>Menekankan isu gender dalam kurikulum praperkahwinan anjuran Kerajaan dan NGO. | 2009-2010 | Isu-isu ketidaksaksamaan gender dalam keluarga dapat dikurangkan. | |
| | | **7.1.1.5**<br>Memberikan pendedahan mengenai isu-isu gender dari peringkat prasekolah hingga universiti melalui | 2009-2010 | Rasa hormat terhadap wanita di kalangan pelajar meningkat. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | aktiviti kurikulum dan kokurikulum. | | | |
| | | **7.1.1.6**<br>Menyediakan latihan kepada guru di peringkat prasekolah dan sekolah tentang isu gender. | 2009-2013 | Pemahaman dan pengetahuan mengenai isu gender di kalangan guru di peringkat prasekolah dan sekolah meningkat. | |
| | | **7.1.1.7**<br>Memasukkan komponen isu gender dalam kurikulum dan ko-kurikulum peringkat universiti. | 2009-2013 | Isu gender menjadi sebahagian daripada kurikulum dan ko-kurikulum peringkat universiti. | |

## Objektif

**8. Mengukuhkan program penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang gender.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **8.1** Meningkatkan program R&D dalam bidang gender. | **8.1.1** Menyediakan skim latihan dan bantuan teknikal dan kewangan. | **8.1.1.1** Menyediakan bantuan kewangan yang munasabah kepada NGO bagi membiayai projek-projek pembangunan dan penyelidikan. | 2009-2013 | Liputan penyelidik terhadap isu-isu gender lebih luas. | • KPWKM<br>• MOF<br>• Sektor swasta<br>• NGO |
| | | **8.1.1.2** Menyediakan dana kewangan kepada institusi-institusi penyelidikan dalam bidang gender. | 2009-2013 | Penyelidikan dalam bidang gender berkembang dan isu-isu gender yang berkaitan dapat dikenal pasti. | |

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **8.1.1.3** Menyalurkan bantuan teknikal yang diperoleh daripada agensi antarabangsa dan lain-lain kepada NGO dan institusi-institusi penyelidikan. | 2009-2013 | Penyelidikan terhadap isu-isu gender dilaksanakan dengan lebih berkesan. | |

## Objektif

**9. Meningkatkan pengumpulan dan penyusunan data mengikut jantina secara sistematik.**

| Objektif Khusus | Strategi | Aktiviti | Tempoh | *Outcome* | Agensi Pelaksana |
|---|---|---|---|---|---|
| **9.1** Menerbitkan data dan statistik mengikut pecahan jantina dan menganalisis data mengikut perspektif gender. | **9.1.1** Mengumpul dan menyusun semua data mengikut pecahan jantina. | **9.1.1.1** Mengeluarkan arahan atau pekeliling berhubung pengumpulan dan penyusunan data mengikut pecahan jantina. | 2009-2010 | Data dikumpul dan disusun mengikut pecahan jantina. | • DOS<br>• MAMPU<br>• Semua kementerian /agensi Kerajaan<br>• IPT<br>• Sektor swasta |
| | | **9.1.1.2** Menyebar maklumat yang dikumpul secara lebih meluas. | 2009-2013 | Maklumat dan data mengikut perspektif gender disebarkan dengan lebih meluas. | |

| **Objektif Khusus** | **Strategi** | **Aktiviti** | **Tempoh** | ***Outcome*** | **Agensi Pelaksana** |
|---|---|---|---|---|---|
| | **9.1.2** Mengukuhkan KPWKM sebagai penyelaras data. | **9.1.2.1** Memudahkan capaian kepada data dan statistik mengikut jantina. | 2009-2013 | Akses kepada data dan statistik mengikut jantina ditingkatkan. | • DOS<br>• KPWKM<br>• MAMPU<br>• Semua kementerian /agensi Kerajaan<br>• IPT<br>• Sektor swasta |
| | | **9.1.2.2** Mewujudkan mekanisme pengumpulan data yang berkesan. | 2009-2015 | Data-data dapat dikumpulkan secara berkesan. | |
| | | **9.1.2.3** Mengukuhkan GDIS. | 2009-2015 | GDIS menjadi satu sistem pangkalan data yang penting. | |

# SENARAI NAMA SINGKATAN

## SENARAI NAMA SINGKATAN

| NAMA SINGKATAN | NAMA PENUH |
|---|---|
| **AADK** | Agensi Anti Dadah Kebangsaan |
| **ADUN** | Ahli Dewan Undangan Negeri |
| **AGC** | Jabatan Peguam Negara |
| **BAKAT** | Badan Kebajikan Angkatan Tentera |
| **BBG** | Biro Bantuan Guaman |
| **BHEUU** | Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang |
| **DBP** | Dewan Bahasa dan Pustaka |
| **DOS** | Jabatan Perangkaan Malaysia |
| **DPMM** | Dewan Perniagaan Melayu Malaysia |
| **FEM** | *The Federation of Women Entrepreneur Associations Malaysia* |
| **FINAS** | Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia |
| **GAPENA** | Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia |
| **GFP** | *Gender Focal Point* |
| **IKIM** | Institut Kefahaman Islam Malaysia |
| **ILIM** | Insitut Latihan Islam Malaysia |
| **ILKAP** | Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan |
| **IPT** | Institut Pengajian Tinggi |

| NAMA SINGKATAN | NAMA PENUH |
|---|---|
| **ISM** | Institut Sosial Malaysia |
| **JAKIM** | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia |
| **JAS** | Jabatan Alam Sekitar |
| **JHEOA** | Jabatan Hal Ehwal Orang Asli |
| **JKKK** | Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung |
| **JKM** | Jabatan Kebajikan Masyarakat |
| **JKSM** | Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia |
| **JPA** | Jabatan Perkhidmatan Awam |
| **JPNIN** | Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional |
| **JPM** | Jabatan Perdana Menteri |
| **JPN** | Jabatan Pendaftaran Negara |
| **JPW** | Jabatan Pembangunan Wanita |
| **KBS** | Kementerian Belia dan Sukan |
| **KDN** | Kementerian Dalam Negeri |
| **KEMAS** | Jabatan Kemajuan Masyarakat |
| **KPKK** | Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan |
| **KKLW** | Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah |
| **KKM** | Kementerian Kesihatan Malaysia |

| NAMA SINGKATAN | NAMA PENUH |
|---|---|
| **KLN** | Kementerian Luar Negeri |
| **KPDNKK** | Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan |
| **KPKT** | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan |
| **KPM** | Kementerian Pelajaran Malaysia |
| **KPT** | Kementerian Pengajian Tinggi |
| **KPWKM** | Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat |
| **KSM** | Kementerian Sumber Manusia |
| **LPPKN** | Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara |
| **MAMPU** | Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia |
| **MARA** | Majlis Amanah Rakyat |
| **MATRADE** | Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia |
| **MITI** | Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri |
| **MOA** | Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani |
| **MOF** | Kementerian Kewangan |
| **MOSTI** | Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi |
| **MOTOUR** | Kementerian Pelancongan Malaysia |
| **NAWEM** | Persatuan Kebangsaan Usahawan Wanita |

| NAMA SINGKATAN | NAMA PENUH |
|---|---|
| **NGO** | Pertubuhan bukan kerajaan |
| **NRE** | Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar |
| **PBT** | Pihak Berkuasa Tempatan |
| **PDRM** | Polis DiRaja Malaysia |
| **PENIAGAWATI** | Persatuan Wanita Bumiputera dalam Perniagaan dan Profesyen Malaysia |
| **PERKEP** | Persatuan Keluarga Polis |
| **PERKESO** | Pertubuhan Keselamatan Sosial |
| **PIBG** | Persatuan Ibu Bapa dan Guru |
| **PTPTN** | Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional |
| **PUSPANITA** | Persatuan Suri dan dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam |
| **SKMM** | Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia |
| **SMIDEC** | Perbadananan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana |
| **SPA** | Suruhanjaya Perkhidmatan Awam |
| **SPKP** | Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia |
| **SPR** | Suruhanjaya Pilihan Raya |
| **SWAM** | Persatuan Penulis Skrip Malaysia |
| **UPE** | Unit Perancang Ekonomi |

| NAMA SINGKATAN | NAMA PENUH |
|---|---|
| **YPEIM** | Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia |